موديول كفهمن اسلام

Modul KEFAHAMAN ISLAM

01

ISLAM SEBAGAI AD-DIN

Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (Pengurusan)
Institut Pemikiran Tok Guru Dato Bentara' Setia (IPTG)
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK)
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)
Institut Latihan Darulnaim (ILDAN)

EDITORIAL KEFAHAMAN ISLAM

Cetakan Pertama Ramadan 1445h | Mac 2024
Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG)

Hak Cipta Terpelihara: Tidak dibenarkan sesiapa jua mengeluar ulang mana-mana bahagian dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada penerbit.

Penerbit
Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia
Tingkat Bawah, Blok Dewan Negeri, Kota Darulnaim
15503 Kota Bharu, Kelantan

Penaung
YAB Dato' Panglima Perang
Ustaz Dato' Haji Mohd Nassuruddin bin Daud

Penyelaras
Unit Latihan Dan Pembinaan Modul
Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG)

Panel Penyusun
Profesor Emeritus Dato' Dr. Johari Bin Mat
Siti Nur Amirah Binti Fauzi
Nabil Abqari Bin Zuhaidi
Norshafinaz Binti Nazarudin

Pereka Grafik & Rekaan Kulit
Wan Muhammad Faizat bin Wan Mohd Sanusi


Penyelaras Penerbitan
Nurliyana binti Ahmed

ISI KANDUNGAN

Pengenalan ii
Matlamat ii
1.0 Membangun Bersama Islam (MBI) 1
1.1 'Ubudiyyah, Mas'uliyyah, Dan Itqan (UMI) 2
1) 'Ubudiyyah 3
1.1) Jenis Ibadah 3
1.2) Bahagian - Bahagian Ibadah 4
2) Mas'uliyyah 6
3) Itqan 8
2.0 Pengertian Islam 12
2.1 Pengertian Pertama 13
2.2 Pengertian Kedua 13
2.3 Pengertian Ketiga 14
2.4 Pengertian Keempat 14
2.5 Pengertian Kelima 17
2.6 Pengertian Keenam 19
2.7 Pengertian Ketujuh 20
Kesimpulan 21
3.0 Kedudukan Islam 23
3.1 Islam adalah *Dinullah* yang diturunkan untuk seluruh umat manusia 23
3.2 Semua alam ini diciptakan oleh Allah SWT di atas sistem Islam 25
3.3 Islam adalah sistem hidup sempurna yang diturunkan kepada seluruh manusia agar mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat 27
3.4 Allah memerintahkan semua jin dan manusia untuk mengabdikan diri kepadaNya 30
3.5 Allah SWT memerintahkan kepada umat manusia supaya bertakwa, beriman dan mati dalam Islam 31
3.6 Para Rasul telah mengajak anak-anak dan zuriat supaya bertakwa, beriman dan mati dalam Islam 33
3.7 Allah hanya menerima Islam sebagai landasan hidup dan menolak yang lain 34
3.8 Islam adalah nikmat paling besar 36
3.9 Semua Nabi dan Rasul mengajak umat masing-masing kepada Islam 38
1) Nabi Nuh AS mengajak umatnya kepada Islam 39

2) Nabi Ibrahim AS berdoa kepada Allah agar menjadikannya orang Islam.....39
3) Nabi Ibrahim AS dan Nabi Yaakub AS berpesan kepada anak-anaknya supaya mati sebagai orang Islam.....40
4) Nabi Sulaiman AS menyeru Balqis kepada Islam.....40
5) Raja Balqis menerima dakwah Nabi Sulaiman AS dan menganut Islam.....41
6) Nabi Yusuf AS berdoa agar mati sebagai orang Islam.....41
7) Ahli sihir Firaun yang telah Islam berdoa agar mati dalam Islam.....42
8) Firaun mengaku sebagai orang Islam.....42
9) *Hawariyyun* (Penolong Nabi Isa AS) mengaku sebagai orang Islam.....43
10) Nabi Muhammad SAW adalah orang pertama Islam dikalangan umatnya.....43
3.10 Pemimpin dan rakyat akan bersama di dunia dan akhirat.....46
1) Pemimpin Islam akan membawa pengikut mereka ke syurga.....46
2) Pemimpin yang kufur akan membawa pengikut mereka ke neraka.....48
3) Penyesalan kerana tidak mengikut Islam.....49
4) Pemimpin dan pengikut saling menyalahkan antara satu sama lain.....50
5) Kembali kepada Allah.....53
4.0 Ciri - Ciri Islam.....56
4.1 Ketuhanan / *al-Rabbaniyyah* - الْرَبَّانِيَّة.....56
Ciri-ciri utama Rabbaniyyah.....58
4.2 Menyeluruh / *al-Syumuliyyah* - الْشُمُوْلِيَّة.....60
4.3 Tepat & Adil / *al-Wasathiyyah* – الْوَسَطِيَّة.....64
4.4 Jelas / *al-Wudhuh* – الْوُضُوْح.....66
5.0 Sistem Islam.....70
5.1 Akidah.....70
5.2 Ibadah.....71
5.3 Syariah.....71
5.4 Akhlak.....71
6.0 Sumber Rujukan Islam.....72
6.1 Sumber-sumber yang disepakati.....73
6.2 Sumber-sumber yang tidak disepakati.....78

PENGENALAN



Pengenalan

Dasar Membangun Bersama Islam (MBI) merupakan asas kepada pentadbiran kerajaan negeri Kelantan yang telah dimulakan sejak tahun 1990 oleh YAB al-Marhum Tuan Guru Tan Sri Dato' Bentara Setia Dato' Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat. Kemudian dasar ini diperkemaskan lagi oleh YAB Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Ahmad Bin Yakob dengan Merakyat Membangun Bersama Islam (MMBI) dan kini, dasar ini diteruskan oleh YAB Dato' Panglima Perang Menteri Besar, Ustaz Dato Mohd Nassuruddin Haji Daud dengan Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI).

Kerajaan Negeri Kelantan telah berusaha untuk membentuk dan melahirkan kakitangan kerajaan negeri yang mantap kefahamannya berkaitan MBI. Antaranya ialah Kuliah Mingguan 'Ubudiyyah, Mas'uliyyah & Itqan (UMI).

Bertepatan dengan fasa Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI), Kuliah Mingguan UMI diteruskan lagi dengan pendekatan baru iaitu Program Sijil Penghayatan UMI menggunakan Modul Kefahaman Islam yang telah dibangunkan oleh Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG). Modul ini diterbitkan untuk dijadikan panduan dan bahan rujukan kepada tenaga pengajar dan peserta.

Modul Kefahaman Islam dibahagikan kepada empat (4) modul iaitu; 1) Islam Sebagai Ad-Din, 2) Dua Kalimah Syahadah: Memahami لَآ إِلَٰهَ إِلَّا ٱللَّٰهُ 3) Dua Kalimah Syahadah: Memahami مُحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّٰهِ dan 4) Tuntutan Dua Kalimah Syahadah dan Perkara-Perkara yang Merosakkannya. Keseluruhan kandungan modul ini memfokuskan untuk memberi kefahaman menyeluruh tentang kandungan asas ajaran Islam kepada masyarakat.


Bagi modul Islam Sebagai Ad-Din, ia merangkumi lima (5) topik utama iaitu Membangun Bersama Islam, Pengertian Islam, Kedudukan Islam, Ciri-Ciri Islam dan Sumber-Sumber Rujukan Islam.

Pengetahuan dan kefahaman Modul Islam Sebagai Ad-Din ini diharapkan dapat membantu pengguna modul menghayati dan mengamalkan, seterusnya menyebarkan agama Islam dengan penuh keyakinan.

Matlamat

Modul Kefahaman Islam dan Kuliah Mingguan UMI dilaksanakan bagi melahirkan kakitangan Kerajaan Negeri Kelantan yang memiliki **ilmu**, **kefahaman** dan **penghayatan** berkenaan agama Islam yang dianuti serta dapat **mengaplikasikannya** dalam perkhidmatan dan kehidupan seharian

MINGGU 1




1.0 Membangun Bersama Islam (MBI)

Negeri Kelantan ditadbir berasaskan dasar Membangun Bersama Islam (MBI) bermula pada tahun 1990. Tujuan dasar Membangun Bersama Islam (MBI) adalah untuk menjadikan Kelantan sebuah negeri yang melaksanakan pembangunan secara menyeluruh dan serasi dengan nilai-nilai Islam, mementingkan aspek kemanusiaan, dimantapkan dengan ketaatan kepada agama dan tidak memudaratkan sosial dan moral manusia demi mencapai keredaan Allah.



1.1 ‘Ubudiyyah, Mas’uliyyah, Dan Itqan (UMI)



Dasar Membangun Bersama Islam (MBI) ditunjangi tiga tonggak utama iaitu ‘Ubudiyyah, Mas’uliyyah, dan Itqan (UMI).



Kod Etika Anggota Perkhidmatan Awam Negeri ini merupakan satu garis panduan tatakelakuan untuk dipakai dan dipatuhi oleh semua Anggota Perkhidmatan Awam Negeri.

1) ‘Ubudiyyah

‘Ubudiyyah berasal daripada perkataan arab iaitu dari kata akar عَبَد (*‘abada*), يَعْبُد (*ya’budu*), عِبَادَة (*‘ibadatan*), عُبُوْدِيَّة (*‘ubudiyyah*).

Ibadah dari sudut bahasa bermaksud pengabdian terhadap Allah dengan penuh kecintaan dan merendah diri, mengakuiNya sebagai Tuhan yang mencipta, memiliki, mentadbir, yang hanya berhak disembah serta tidak mensyirikkanNya dengan sesuatupun dalam seluruh kehidupan sama ada iktikad, lisan dan perbuatan.

Ibadah dari sudut istilah merujuk kepada semua amalan yang disukai dan diredhai oleh Allah sama ada perkataan, amalan dan iktikad seperti solat, zakat, puasa, haji, berkata benar, menunaikan amanah, bekerja mencari rezeki, berbakti kepada ibubapa, menepati janji, amar makruf nahi mungkar, berjihad menentang golongan *kufr* dan munafik, berbuat baik kepada jiran tetangga, mengasihi anak yatim dan orang miskin, berbuat baik kepada manusia dan binatang, berdoa, berzikir, membaca al-Quran dan sebagainya.[1]

1.1) Jenis Ibadah

Ibadah terbahagi kepada dua bahagian:

i. Ibadah Khusus

Secara umumnya, ibadah khusus adalah ibadah yang telah ditetapkan ketentuannya dari segi masa dan tata cara melaksanakannya. Ianya merupakan ibadah yang dikhususkan kepada setiap individu untuk dilakukan seperti Rukun Iman, Rukun Islam dan Ihsan.

Beriman dengan Rukun Iman iaitu beriman kepada Allah, para rasulNya, para Malaikat, kitab-kitab yang diwahyukan, hari kiamat serta beriman kepada ketentuan baik dan buruk. Melaksanakan rukun Islam seperti mengucapkan syahadah, mengerjakan solat 5 waktu, berpuasa di bulan Ramadan, menunaikan zakat dan mengerjakan haji di Baitullah. Ibadah khusus juga merangkumi sifat Ihsan iaitu meyakini pengawasan Allah dalam setiap amalan yang dilakukan.

[1] Dr. Yusuf al-Qardhawi, *al-‘Ibadah fi al-Islam.*

ii. Ibadah Umum

Ibadah umum adalah semua aktiviti yang dilakukan dalam kehidupan dengan niat ikhlas dalam menjunjung titah perintah Allah SWT dan mengikut syariat yang telah ditetapkan. Ianya berkait dengan urusan kehidupan seharian manusia seperti bekerja untuk mendapatkan rezeki yang halal; penjawat awam, pekerja swasta, peniaga, petani, pengusaha industri, pekerja kilang, pekerja kebersihan, kontraktor, jurutera, doktor dan sebagainya. Ibadah umum juga termasuklah urusan berjual beli, bergaul dengan masyarakat, beriadah, bermesra dengan keluarga, mengemas rumah, berbuat baik kepada semua makhluk dan lain-lain.

1.2) Bahagian - Bahagian Ibadah

Ibadah mempunyai beberapa bahagian iaitu;



i) Ibadah hati/ iktikad:

Ibadah hati ialah ibadah yang diamalkan dengan hati seperti beriman dengan rukun iman, berniat, bertawakkal kepada Allah, berasa takut kepada Allah dan semua ibadah yang timbul di dalam hati.

ii) Ibadah lisan:

Ibadah yang dilakukan menggunakan lisan seperti berzikir, bertasbih, bertahmid, bercakap benar, memberi arahan dengan jelas, mengajar, memberi nasihat dan sebagainya. Begitu juga jika seseorang meninggalkan ucapan yang dilarang oleh agama seperti berdusta, mengumpat, menyindir, melabel seseorang dengan gelaran yang tidak disukainya dan sebagainya.

iii) Ibadah perbuatan:

Ibadah yang dilakukan dengan anggota tubuh badan seperti solat, puasa, mengerjakan haji, menunaikan tanggungjawab harian, amar makruf nahi mungkar, mencari nafkah kepada keluarga, termasuk pergi dan balik ke tempat kerja dan semua aktiviti yang dilakukan dengan anggota atau fizikal. Hal ini juga termasuk tidak melakukan perbuatan yang ditegah di sisis syarak seperti mencuri, memberi dan menerima rasuah, merendahkan serta meremehkan orang lain dengan tatapan yang sinis, memberi reaksi seakan-akan mengejek dan sebagainya.

iv) Ibadah harta

Ibadah yang dilakukan dengan harta dan wang ringgit seperti membayar zakat, memberi sedekah, menderma, berwakaf, memberi hadiah dan semua yang berkaitan dengan harta.

2) Mas'uliyyah

Perkataan Mas'uliyyah berasal daripada perkataan Arab; سَأَل (*sa'ala*), يَسْأَل (*yas'alu*), مَسْأَلَة (*mas'alatan*), مَسْؤُلِيَّة (*mas'uliyyah*) membawa maksud pertanggungjawaban seseorang terhadap ucapan, tindakan atau perbuatan yang telah dilakukan. Manakala dari segi istilah, ianya memberi maksud seseorang akan dipertanggungjawabkan hasil daripada tindakan, perbuatan atau ucapan yang dilakukan dengan pilihannya sendiri sedangkan dia mengetahui implikasi daripada perbuatan tersebut sama ada baik atau buruk.

Mas'uliyyah merujuk kepada kebertanggungjawaban (akauntabiliti) iaitu segala kerja (tanggungjawab) yang dilakukan di dunia ini seperti pekerjaan harian sama ada di rumah, di pejabat dan di mana-mana sahaja akan dicatat, dihitung, disoal dan diberi ganjaran atau balasan oleh Allah di dunia dan akhirat. Mas'uliyyah merupakan tugas dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh setiap individu yang diamanahkan mengikut kedudukan masing-masing. Setiap individu yang memikul tugasan dan tanggungjawab ini disebut di dalam al-Quran sebagai khalifah.

Khalifah adalah pengurus, pentadbir dan pelaksana dalam kehidupan bermula daripada individu, masyarakat, negeri dan negara berdasarkan kepada wahyu yang diturunkan oleh Allah SWT. Menurut Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, khalifah didefinisikan sebagai seseorang yang dipertanggungjawabkan oleh Allah untuk mengatur kehidupan manusia di bumi berdasarkan wahyu dan syariat Allah, supaya kehidupan manusia itu teratur dan mempunyai tujuan hidup yang suci murni untuk mencapai keredaan Allah SWT. Firman Allah SWT:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً ۖ قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ ۖ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾

Maksudnya: *Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi". Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan*

menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?". Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya" [al-Baqarah: 30]

Tugas khalifah adalah untuk memastikan semua perintah Allah terlaksana dalam semua urusan kehidupan seperti hal peribadi, urusan keluarga, kerja-kerja di pejabat, pentadbiran negeri dan sebagainya. Firman Allah:

الَّذِينَ إِنْ مَكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَلِلَّهِ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ ﴿٤١﴾

Maksudnya: *Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang, memberi zakat, menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan* [al-Hajj: 41]

Sabda Rasulullah SAW:

أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عُمَرَ يَقُولُ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم يَقُولُ " كُلُّكُمْ رَاعٍ، وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، الإِمَامُ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي أَهْلِهِ وَهْوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ فِي بَيْتِ زَوْجِهَا وَمَسْئُولَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا، وَالْخَادِمُ رَاعٍ فِي مَالِ سَيِّدِهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ ـ قَالَ وَحَسِبْتُ أَنْ قَدْ قَالَ ـ وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي مَالِ أَبِيهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ"

Maksudnya: *Daripada Ibnu Umar RA dari Nabi SAW, bahawa baginda bersabda: "Ketahuilah, setiap kamu adalah pemimpin, dan setiap pemimpin adalah bertanggungjawab (akan disoal) atas apa yang dipimpinnya (tugasnya). Seorang pemimpin akan bertanggungjawab (akan disoal) terhadap kepimpinannya (rakyatnya), seorang suami adalah pemimpin terhadap keluarganya, dan dia bertanggungjawab (akan disoal) terhadap keluarganya, seorang isteri juga pemimpin terhadap rumahtangga dan keluarganya dan dia bertanggungjawab (akan disoal) terhadap tugasnya, seorang pekerja adalah pengurus terhadap harta majikannya, dan dia bertanggungjawab (akan disoal) terhadap tugasnya. Setiap kamu adalah pemimpin dan akan bertanggungjawab (akan disoal) terhadap kepemimpinannya (tanggungjawabnya)."* (Riwayat Muslim)

3) Itqan

Itqan berasal daripada perkataan Arab iaitu أتقن (*atqana*), يُتقن (*yutqinu*) إتقانًا (*itqanan*). Dari segi bahasa itqan bermaksud satu usaha yang dilakukan oleh seseorang sehingga mencapai tahap kemahiran di dalam melakukan pekerjaanya. Manakala dari sudut istilah ianya bermaksud melakukan kerja dan menyiapkannya dengan cara yang paling baik dan sempurna dengan berusaha bersungguh-sungguh dan tidak melewatkan daripada masa yang ditentukan dan memenuhi spesifikasi yang ditetapkan.

Nilai ini merujuk kepada kualiti kerja yang boleh diterjemahkan sebagai ketekunan, komitmen dan kesungguhan kerja. Pelaksanaan itqan akan membentuk peribadi yang berakhlak dan bermoral serta modal insan yang cemerlang dalam melaksanakan tugas.

Antara dalil yang jelas mendorong seseorang melakukan sesuatu perbuatan dengan Itqan adalah menerusi firman Allah SWT sepertimana berikut:

وَقُلِ ٱعۡمَلُواْ فَسَيَرَى ٱللَّهُ عَمَلَكُمۡ وَرَسُولُهُۥ وَٱلۡمُؤۡمِنُونَۖ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عَٰلِمِ ٱلۡغَيۡبِ وَٱلشَّهَٰدَةِ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمۡ تَعۡمَلُونَ ١٠٥

Maksudnya: *Dan katakanlah (wahai Rasulullah): Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan RasulNya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan".* (al-Taubah: 105)

Sabda Rasulullah SAW:

"إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلًا أَنْ يُتْقِنَهُ."

Maksudnya:*"Sesungguhnya Allah 'Azza Wa Jalla mengasihi seseorang daripada kamu apabila dia melakukan sesuatu amalan dibuat secara tekun."* (al-Tabrani)

Rasulullah SAW memberi contoh terbaik dalam semua pekerjaan seperti dalam mengerjakan solat. Hal ini dapat diperhatikan melalui sebuah hadis daripada 'Aisyah RAH dimana Rasulullah SAW menunaikan ibadah dengan penuh itqan dan sempurna:

عَنْ أَبِي سَلَمَةَ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ، أَنَّهُ سَأَلَ عَائِشَةَ ـ رضى الله عنها ـ كَيْفَ كَانَتْ صَلاَةُ رَسُولِ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم فِي رَمَضَانَ قَالَتْ: مَا كَانَ يَزِيدُ فِي رَمَضَانَ وَلاَ غَيْرِهِ عَلَى إِحْدَى عَشْرَةَ رَكْعَةً، يُصَلِّي أَرْبَعَ رَكَعَاتٍ فَلاَ تَسْأَلْ عَنْ حُسْنِهِنَّ وَطُولِهِنَّ، ثُمَّ يُصَلِّي أَرْبَعًا فَلاَ تَسْأَلْ عَنْ حُسْنِهِنَّ وَطُولِهِنَّ، ثُمَّ يُصَلِّي ثَلاَثًا فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ تَنَامُ قَبْلَ أَنْ تُوتِرَ قَالَ " تَنَامُ عَيْنِي وَلاَ يَنَامُ قَلْبِي ".

Maksudnya: *Daripada Abu Salamah bin Abdul Rahman, bahawasanya beliau bertanya kepada Aisyah RA; "Bagaimanakah perihal solat Rasulullah SAW pada bulan Ramadan?". Aisyah RA menjawab; "Tidaklah Rasulullah SAW menambah bilangan (solat sunat) di bulan Ramadhan atau di luar bulan Ramadhan lebih dari sebelas rakaat. Baginda bersolat empat rakaat,* ***maka janganlah kamu tanyakan berkenaan kesempurnaan dan lamanya (baginda mengerjakan solat),*** *kemudian baginda solat empat rakaat, maka janganlah kamu tanyakan berkenaan kesempurnaan dan lamanya (baginda mengerjakan solat). Kemudiannya aku (Aisyah RA) bertanya; Adakah kamu akan masuk tidur sebelum menunaikan solat witir? Baginda menjawab "Mataku tidur, tetapi hatiku tidak."* (Riwayat Bukhari, 3569)

Selain itu, Rasulullah SAW turut memperingatkan umatnya untuk mengerjakan ibadah dengan penuh kesungguhan (itqan) dan tidak melakukannya secara sambil lewa. Seseorang individu akan mendapat ganjaran berdasarkan kualiti kerja yang dilakukannya. Hal ini dapat difahami daripada sabda Baginda SAW:

" إِنَّ الرَّجُلَ لَيَنْصَرِفُ وَمَا كُتِبَ لَهُ إِلاَّ عُشْرُ صَلاَتِهِ تُسْعُهَا ثُمُنُهَا سُبُعُهَا سُدُسُهَا خُمُسُهَا رُبُعُهَا ثُلُثُهَا نِصْفُهَا " .

Maksudnya: *"Seseorang yang melakukan solat dan apabila selesai solatnya dia hanya mendapat satu persepuluh, satu persembilan, satu perlapan, satu pertujuh, satu perenam, satu perlima, satu perempat, satu pertiga atau separuh."* (Riwayat Abu Dawud)

Daripada hadis di atas, jelaslah bahawa pahala yang diperolehi orang yang mengerjakan solat itu bergantung kepada Itqan (ketekunan) semasa melaksanakannya. Dalam konteks pekerjaan, setiap pekerja hendaklah melaksanakan tugasnya dengan Itqan agar dia mendapat ganjaran yang sepenuhnya.

Itqan juga mempunyai kaitan rapat dengan Ihsan. Ihsan bermaksud seseorang sentiasa berasa dirinya berada di hadapan Allah SWT atau sentiasa berasa diperhatikan oleh Allah. Hal ini dapat diperhatikan daripada hadis Jibril yang bertanya tentang Ihsan;

حَدَّثَنِي عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ، ... قَالَ فَأَخْبِرْنِي عَنِ الإِحْسَانِ قَالَ " أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ " .


Maksudnya: *Daripada Saiyidina Umar bin al-Khattab R.A. beliau berkata: …. Beliau (Malaikat Jibril) bertanya lagi: "Terangkanlah kepadaku tentang Ihsan." Baginda bersabda: "Ihsan itu ialah bahawa engkau menyembah Allah seolah-olah engkau melihatNya. Sekiranya engkau tidak dapat melihatNya, maka sesungguhnya Dia melihatmu."*(Riwayat Bukhari)

Daripada hadis ini, dapat difahami bahawa Ihsan dan Itqan mempunyai suatu perhubungan yang kuat. Ihsan dapat disifatkan sebagai satu kedudukan jiwa yang takut dan mengharapkan keredhaan Allah yang kemudiannya diterjemahkan dalam melaksanakan budaya kerja yang cemerlang (Itqan).

'Ubudiyyah, Mas`uliyyah dan Itqan (UMI) adalah panduan seorang muslim dalam seluruh kehidupan khasnya dalam melaksanakan tugas sebagai pekerja. Pelaksanaan UMI secara asasnya adalah bersekali (bersepadu dan komprehensif) dalam sesuatu pekerjaan namun penjelasannya dibahagikan mengikut aspek tertentu bagi memudahkan kefahaman dan diamalkan.

Semoga penjelasan-penjelasan ini dapat membantu para pekerja memahami UMI dengan lebih baik seterusnya mengamalkannya dalam seluruh kehidupan dan menyampaikannya kepada orang lain agar hasrat dan cita-cita kerajaan tercapai.

MINGGU 2



2.0 Pengertian Islam

PENGERTIAN ISLAM

BAHASA

Menyerah diri, tunduk serta patuh kepada segala perintah dan arahan tanpa sebarang bangkangan



ISTILAH

Mempunyai beberapa takrifan, antaranya:

1 PENGERTIAN PERTAMA

Mengucapkan dua kalimah Syahadah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, berpuasa dibulan Ramadhan dan menunaikan haji jika mampu

2 PENGERTIAN PERTAMA

Menyerah diri kepada Allah dengan tunduk dan patuh kepada semua arahan serta perintahNya melalui anggota zahir dan batin serta tidak melakukan perbuatan syirik kepadaNya dalam semua perkara

3 PENGERTIAN KEDUA

Islam adalah agama yang diturunkan kepada para nabi dan rasul sejak Nabi Adam AS hingga Nabi Muhammad SAW sebagai panduan hidup dari dunia hingga akhirat

4 PENGERTIAN KETIGA

Islam adalah sistem yang telah ditentukan oleh Allah SWT kepada manusia dan seluruh makhluk

5 PENGERTIAN KEEMPAT

Jawapan kepada tiga persoalan yang selalu dihadapi oleh umat manusia iaitu:

i.Dari mana mereka datang?
ii.Untuk apa mereka diciptakan?
iii.Ke mana mereka akan pergi selepas ini?

6 PENGERTIAN KELIMA

Islam adalah semua perkara yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Rasulullah SAW merangkumi perkara-perkara seperti akidah, ibadah, akhlak dan segala perkhabaran daripada al-Quran dan sunnah serta diperintahkan olehNya untuk disampaikan kepada seluruh manusia.

7 PENGERTIAN KEENAM

Islam adalah pedoman hidup yang sebenarnya, petunjuk dalam semua aspek kehidupan umat manusia, ubat yang mujarab untuk mengatasi dan memperbaiki masyarakat dan jalan yang lurus bagi orang yang bersedia untuk mengikutinya



Perkataan Islam berasal dari perkataan Arab *aslama*. Dari segi bahasa, Islam bermaksud menyerah diri, tunduk serta patuh kepada segala perintah dan arahan tanpa sebarang bangkangan. Manakala pengertian Islam dari segi istilah pula mempunyai beberapa takrifan, antaranya:

2.1 Pengertian Pertama

Islam adalah mengucapkan dua kalimah syahadah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, berpuasa di bulan Ramadan dan menunaikan haji ke Baitullah jika mampu sebagaimana diterangkan dalam Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ عُمَرَ أَيْضًا قَالَ:" بَيْنَمَا نَحْنُ جُلُوسٌ عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ ذَاتَ يَوْمٍ، إِذْ طَلَعَ عَلَيْنَا رَجُلٌ شَدِيدُ بَيَاضِ الثِّيَابِ، شَدِيدُ سَوَادِ الشَّعْرِ، لَا يُرَى عَلَيْهِ أَثَرُ السَّفَرِ، وَلَا يَعْرِفُهُ مِنَّا أَحَدٌ. حَتَّى جَلَسَ إِلَى النَّبِيِّ. فَأَسْنَدَ رُكْبَتَيْهِ إِلَى رُكْبَتَيْهِ، وَوَضَعَ كَفَّيْهِ عَلَى فَخْذَيْهِ، وَقَالَ: يَا مُحَمَّدُ أَخْبِرْنِي عَنْ الْإِسْلَامِ. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ الْإِسْلَامُ أَنْ تَشْهَدَ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَتُقِيمَ الصَّلَاةَ، وَتُؤْتِيَ الزَّكَاةَ، وَتَصُومَ رَمَضَانَ، وَتَحُجَّ الْبَيْتَ إِنْ اسْتَطَعْت إِلَيْهِ سَبِيلًا....

Maksudnya*:*
Daripada Saidina Umar RA, katanya: Sedang kami duduk di dalam majlis bersama Rasulullah SAW pada suatu hari, tiba-tiba muncul di dalam majlis itu seorang lelaki yang berpakaian serba putih, berambut terlalu hitam, tiada kesan bahawa ia seorang musafir, dan tiada antara kami yang mengenalinya, lalu dia duduk bersama Rasulullah SAW, dan ditemukan kedua lututnya dengan kedua lutut Rasulullah SAW, serta diletakkan kedua tapak tangannya ke atas kedua peha Rasulullah SAW, lalu ia berkata: Ya Muhammad, khabarkan kepadaku tentang Islam? Rasulullah SAW bersabda: Islam itu ialah kamu bersaksi (bersyahadah) bahawa tiada ilah melainkan Allah dan bahawasanya Muhammad itu adalah Rasul Allah, dan hendaklah kamu mendirikan solat, mengeluarkan zakat, berpuasa di bulan Ramadhan dan menunaikan haji ke Baitullah jika kamu mampu mengerjakannya…. (Riwayat Muslim)

2.2 Pengertian Kedua

Islam bermaksud menyerah diri kepada Allah dengan tunduk dan patuh kepada semua arahan serta perintahNya melalui anggota zahir dan batin serta tidak melakukan perbuatan syirik kepadaNya dalam semua perkara sebagaimana yang ditegaskan oleh Allah SWT dalam firmanNya:

بَلَىٰ مَنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُۥ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ فَلَهُۥٓ أَجْرُهُۥ عِندَ رَبِّهِۦ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿١١٢﴾

Maksudnya: *(Apa yang kamu katakan itu tidaklah benar) bahkan sesiapa yang menyerahkan dirinya kepada Allah mematuhi perintahNya) sedang ia pula berusaha supaya baik amalannya, maka ia akan beroleh pahalanya di sisi Tuhannya dan tidaklah ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita* [al-Baqarah: 112]

2.3 Pengertian Ketiga

Islam adalah agama yang diturunkan kepada para nabi dan rasul sejak Nabi Adam AS hingga Nabi Muhammad SAW sebagai panduan hidup dari dunia hingga akhirat. Firman Allah SWT:

إِنَّ ٱلدِّينَ عِندَ ٱللَّهِ ٱلْإِسْلَٰمُ ... ﴿١٩﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya ugama (yang benar dan diredhai) di sisi Allah ialah **Islam**...* [Ali-'Imran: 19]

Hal ini ditegaskan dalam firmanNya:

وَمَن يَبْتَغِ غَيْرَ ٱلْإِسْلَٰمِ دِينًا فَلَن يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِى ٱلْءَاخِرَةِ مِنَ ٱلْخَٰسِرِينَ ﴿٨٥﴾

Maksudnya: *Dan sesiapa yang mencari ugama selain ugama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi.* [Ali-'Imran: 85]

2.4 Pengertian Keempat

Islam adalah sistem yang telah ditentukan oleh Allah SWT kepada manusia dan seluruh makhluk. Contohnya kitaran hidup manusia bermula daripada lahir, kanak-kanak, remaja, dewasa, tua dan mati. Begitu juga jantina, bangsa, warna kulit dan lain-lain. Hal ini termasuklah planet-planet bergerak di atas orbit yang telah Allah SWT tentukan. Kesemua ini telah ditentukan oleh Allah SWT dan seluruh makhluk tunduk kepadaNya sebagaimana yang dinyatakan firmanNya:

أَفَغَيۡرَ دِينِ ٱللَّهِ يَبۡغُونَ وَلَهُۥٓ أَسۡلَمَ مَن فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ طَوۡعٗا وَكَرۡهٗا وَإِلَيۡهِ يُرۡجَعُونَ٨٣


Maksudnya: *Patutkah sesudah (mengakui dan menerima perjanjian[2]) itu, mereka mencari lain dari ugama Allah? Padahal kepadaNyalah tunduk taat sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi, sama ada dengan sukarela ataupun terpaksa, dan kepadaNyalah mereka dikembalikan.* [Ali-'Imran: 83]

[2] Perjanjian yang dimaksudkan dalam ayat di atas adalah merujuk kepada firman Allah SWT:

وَإِذۡ أَخَذَ رَبُّكَ مِنۢ بَنِيٓ ءَادَمَ مِن ظُهُورِهِمۡ ذُرِّيَّتَهُمۡ وَأَشۡهَدَهُمۡ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمۡ أَلَسۡتُ بِرَبِّكُمۡۖ قَالُواْ بَلَىٰ شَهِدۡنَآۚ أَن تَقُولُواْ يَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِ إِنَّا كُنَّا عَنۡ هَٰذَا غَٰفِلِينَ ١٧٢

Maksudnya: *Dan (ingatlah wahai Rasulullah) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka, dan Ia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil Ia bertanya dengan firmanNya): "Bukankah Aku tuhan kamu?" Mereka semua menjawab: "Benar (Engkaulah Tuhan kami), kami menjadi saksi". Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak: "Sesungguhnya kami adalah lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tauhid) ini".* [al-A'raf: 172]

MINGGU 3



2.5 Pengertian Kelima



Islam adalah jawapan kepada tiga persoalan yang selalu dihadapi oleh umat manusia. Tiga persoalan tersebut ialah:

i. Dari mana mereka datang?
ii. Untuk apa mereka diciptakan?
iii. Ke mana mereka akan pergi selepas ini?

Persoalan dari mana datangnya manusia dijawab oleh Allah SWT melalui firmanNya:

﴿ٱلَّذِىٓ أَحۡسَنَ كُلَّ شَىۡءٍ خَلَقَهُۥۖ وَبَدَأَ خَلۡقَ ٱلۡإِنسَٰنِ مِن طِينٍ ۝٧ ثُمَّ جَعَلَ نَسۡلَهُۥ مِن سُلَٰلَةٖ مِّن مَّآءٖ مَّهِينٖ ۝٨ ثُمَّ سَوَّىٰهُ وَنَفَخَ فِيهِ مِن رُّوحِهِۦۖ وَجَعَلَ لَكُمُ ٱلسَّمۡعَ وَٱلۡأَبۡصَٰرَ وَٱلۡأَفۡـِٔدَةَۚ قَلِيلٗا مَّا تَشۡكُرُونَ ۝٩﴾

Maksudnya: *Yang menciptakan tiap-tiap sesuatu dengan sebaik-baiknya, dan dimulakanNya kejadian manusia berasal dari tanah;(7) Kemudian Ia menjadikan keturunan manusia itu dari sejenis pati, iaitu dari air (benih) yang sedikit dipandang orang;(8) Kemudian Ia menyempurnakan kejadiannya, serta meniupkan padanya: roh ciptaanNya. Dan Ia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (akal fikiran), (supaya kamu bersyukur, tetapi) amatlah sedikit kamu bersyukur(9)* [As-Sajda: 7-9]

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِن كُنتُمۡ فِي رَيۡبٖ مِّنَ ٱلۡبَعۡثِ فَإِنَّا خَلَقۡنَٰكُم مِّن تُرَابٖ ثُمَّ مِن نُّطۡفَةٖ ثُمَّ مِنۡ عَلَقَةٖ ثُمَّ مِن مُّضۡغَةٖ مُّخَلَّقَةٖ وَغَيۡرِ مُخَلَّقَةٖ لِّنُبَيِّنَ لَكُمۡۚ وَنُقِرُّ فِي ٱلۡأَرۡحَامِ مَا نَشَآءُ إِلَىٰٓ أَجَلٖ مُّسَمّٗى ثُمَّ نُخۡرِجُكُمۡ طِفۡلٗا ثُمَّ لِتَبۡلُغُوٓاْ أَشُدَّكُمۡۖ وَمِنكُم مَّن يُتَوَفَّىٰ وَمِنكُم مَّن يُرَدُّ إِلَىٰٓ أَرۡذَلِ ٱلۡعُمُرِ لِكَيۡلَا يَعۡلَمَ مِنۢ بَعۡدِ عِلۡمٖ شَيۡـٔٗاۚ وَتَرَى ٱلۡأَرۡضَ هَامِدَةً فَإِذَآ أَنزَلۡنَا عَلَيۡهَا ٱلۡمَآءَ ٱهۡتَزَّتۡ وَرَبَتۡ وَأَنۢبَتَتۡ مِن كُلِّ زَوۡجِۭ بَهِيجٖ ٥

Maksudnya: *Wahai umat manusia, sekiranya kamu menaruh syak (ragu-ragu) tentang kebangkitan makhluk (hidup semula pada hari kiamat), maka (perhatilah kepada tingkatan kejadian manusia) kerana sebenarnya Kami telah menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari setitik air benih, kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari seketul daging yang disempurnakan kejadiannya dan yang tidak disempurnakan; (Kami jadikan secara yang demikian) kerana Kami hendak menerangkan kepada kamu (kekuasaan Kami); dan Kami pula menetapkan dalam kandungan rahim (ibu yang mengandung itu) apa yang Kami rancangkan hingga ke suatu masa yang ditentukan lahirnya; kemudian Kami mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian (kamu dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa; dan (dalam pada itu) ada di antara kamu yang dimatikan (semasa kecil atau semasa dewasa) dan ada pula yang dilanjutkan umurnya ke peringkat tua nyanyuk sehingga ia tidak mengetahui lagi akan sesuatu yang telah diketahuinya dahulu. Dan (ingatlah satu bukti lagi); Engkau melihat bumi itu kering, kemudian apabila Kami menurunkan hujan menimpanya, bergeraklah tanahnya (dengan tumbuh-tumbuhan yang merecup tumbuh), dan gembur membusutlah ia, serta ia pula menumbuhkan berjenis-jenis tanaman yang indah permai.* [al-Hajj: 5]

﴿وَلَقَدۡ خَلَقۡنَا ٱلۡإِنسَٰنَ مِن سُلَٰلَةٖ مِّن طِينٖ ١٢ ثُمَّ جَعَلۡنَٰهُ نُطۡفَةٗ فِي قَرَارٖ مَّكِينٖ ١٣ ثُمَّ خَلَقۡنَا ٱلنُّطۡفَةَ عَلَقَةٗ فَخَلَقۡنَا ٱلۡعَلَقَةَ مُضۡغَةٗ فَخَلَقۡنَا ٱلۡمُضۡغَةَ عِظَٰمٗا فَكَسَوۡنَا ٱلۡعِظَٰمَ لَحۡمٗا ثُمَّ أَنشَأۡنَٰهُ خَلۡقًا ءَاخَرَۚ فَتَبَارَكَ ٱللَّهُ أَحۡسَنُ ٱلۡخَٰلِقِينَ ١٤ ثُمَّ إِنَّكُم بَعۡدَ ذَٰلِكَ لَمَيِّتُونَ ١٥ ثُمَّ إِنَّكُمۡ يَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِ تُبۡعَثُونَ ١٦﴾

Maksudnya: *Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari pati (yang berasal) dari tanah;(12) Kemudian Kami jadikan "pati" itu (setitis) air benih pada penetapan yang kukuh;(13) Kemudian Kami ciptakan air benih itu menjadi sebuku darah beku. lalu Kami ciptakan darah beku itu menjadi seketul daging; kemudian Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang; kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu Kami bentuk dia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya. Maka nyatalah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik Pencipta(14) Kemudian, sesungguhnya kamu sesudah itu akan mati(15) Kemudian sesungguhnya kamu akan dibangkitkan hidup semula pada hari kiamat(16)* [Al-Mukminun: 12-16]

Manakala persoalan untuk apa manusia diciptakan dijawab oleh Allah SWT melalui firmanNya:

وَمَا خَلَقْتُ ٱلْجِنَّ وَٱلْإِنسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Maksudnya: *Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.* [al-Dzariyat:56]

Seterusnya, persoalan ke mana manusia akan pergi selepas ini dijawab oleh Allah SWT melalui firmanNya:

ٱللَّهُ يَبْدَؤُا۟ ٱلْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُۥ ثُمَّ إِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿١١﴾

Maksudnya: *Allah memulakan kejadian sekalian makhluk, kemudian Ia mengembalikannya (hidup semula pada hari kiamat), kemudian kepadaNyalah kamu akan dikembalikan (untuk menerima balasan).* [al-Rum: 11]

2.6 Pengertian Keenam

Islam adalah semua perkara yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Rasulullah SAW merangkumi perkara-perkara seperti akidah, ibadah, akhlak dan segala perkhabaran daripada al-Quran dan sunnah serta diperintahkan olehNya untuk disampaikan kepada seluruh manusia. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الرَّسُولُ بَلِّغْ مَا أُنْزِلَ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ وَإِنْ لَمْ تَفْعَلْ فَمَا بَلَّغْتَ رِسَالَتَهُ وَاللَّهُ يَعْصِمُكَ مِنَ النَّاسِ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِى الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ ﴿٦٧﴾

Maksudnya: *Wahai Rasul Allah! Sampaikanlah apa yang telah diturunkan kepadamu dari Tuhanmu; dan jika engkau tidak melakukannya (dengan menyampaikan semuanya), maka bermakna tiadalah engkau menyampaikan perutusanNya; dan Allah jualah akan memeliharamu dari (kejahatan) manusia. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayah petunjuk kepada kaum yang kafir*

[al-Maidah: 67]

2.7 Pengertian Ketujuh

Islam adalah pedoman hidup yang sebenarnya, petunjuk dalam semua aspek kehidupan umat manusia, ubat yang mujarab untuk mengatasi dan memperbaiki masyarakat dan jalan yang lurus bagi orang yang bersedia untuk mengikutinya. Allah SWT berfirman:

وَكَذَٰلِكَ أَوۡحَيۡنَآ إِلَيۡكَ رُوحٗا مِّنۡ أَمۡرِنَاۚ مَا كُنتَ تَدۡرِي مَا ٱلۡكِتَٰبُ وَلَا ٱلۡإِيمَٰنُ وَلَٰكِن جَعَلۡنَٰهُ نُورٗا نَّهۡدِي بِهِۦ مَن نَّشَآءُ مِنۡ عِبَادِنَاۚ وَإِنَّكَ لَتَهۡدِيٓ إِلَىٰ صِرَٰطٖ مُّسۡتَقِيمٖ ٥٢ صِرَٰطِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَهُۥ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِۗ أَلَآ إِلَى ٱللَّهِ تَصِيرُ ٱلۡأُمُورُ ٥٣

Maksudnya: *Dan demikianlah Kami wahyukan kepadamu (Rasulullah) - Al-Quran sebagai roh (yang menghidupkan hati perintah Kami; engkau tidak pernah mengetahui (sebelum diwahyukan kepadamu): apakah Kitab (Al-Quran) itu dan tidak juga mengetahui apakah iman itu; akan tetapi Kami jadikan Al-Quran: cahaya yang menerangi, Kami beri petunjuk dengannya sesiapa yang Kami kehendaki di antara hamba-hamba Kami. Dan sesungguhnya engkau (wahai Rasulullah) adalah memberi petunjuk dengan Al-Quran itu ke jalan yang lurus(52) Iaitu jalan Allah yang memiliki dan menguasai segala yang ada di langit dan yang ada di bumi. Ingatlah! Kepada Allah jualah kembali segala urusan(53)* [Ash-Shura: 52-53]

يَوۡمَ يَدۡعُوكُمۡ فَتَسۡتَجِيبُونَ بِحَمۡدِهِۦ وَتَظُنُّونَ إِن لَّبِثۡتُمۡ إِلَّا قَلِيلٗا ٥٢

Maksudnya: *(Ingatlah akan) hari Ia menyeru kamu lalu kamu menyahut sambil memuji kekuasaanNya, dan kamu menyangka, bahawa kamu tinggal (dalam kubur) hanya sebentar(52)* [Israk: 52]

وَلَوۡ جَعَلۡنَٰهُ قُرۡءَانًا أَعۡجَمِيّٗا لَّقَالُواْ لَوۡلَا فُصِّلَتۡ ءَايَٰتُهُۥٓۖ ءَأَعۡجَمِيّٞ وَعَرَبِيّٞۗ قُلۡ هُوَ لِلَّذِينَ ءَامَنُواْ هُدٗى وَشِفَآءٞۖ وَٱلَّذِينَ لَا يُؤۡمِنُونَ فِيٓ ءَاذَانِهِمۡ وَقۡرٞ وَهُوَ عَلَيۡهِمۡ عَمًىۚ أُوْلَٰٓئِكَ يُنَادَوۡنَ مِن مَّكَانِۭ بَعِيدٖ ٤٤

Maksudnya: *Dan kalaulah Al-Quran itu Kami jadikan (bacaan) dalam bahasa asing, tentulah mereka akan berkata: "Mengapa tidak dijelaskan ayat-ayatnya (dalam bahasa yang kami fahami)? Patutkah Kitab itu berbahasa asing sedang Rasul yang membawanya berbangsa Arab?" Katakanlah (wahai Muhammad): "Al-Quran itu, menjadi (cahaya) petunjuk serta penawar bagi orang-orang yang beriman; dan sebaliknya orang-orang yang tidak beriman, (AL-Quran itu) menjadi sebagai satu penyakit yang menyumbat telinga mereka (bukan penawar); dan ia juga merupakan gelap-gelita yang menimpa (pandangan) mereka (bukan cahaya yang menerangi). Mereka itu - (dengan perbuatan melarikan diri dari ajaran Al-Quran, tidak ubahnya*

seperti) orang-orang yang diseru dari tempat yang jauh (masakan mereka dapat mendengar dengan betul atau melihat dengan nyata)" [Ha-Mim: 44]

Kesimpulan


Daripada semua definisi Islam yang dikemukakan[3], jelaslah bahawa kesemuanya tidak dapat dipisahkan dengan sifat Islam itu sendiri iaitu sebagai agama fitrah dari Allah SWT yang mengandungi intipati tauhid. Allah SWT berfirman:

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفًا ۚ فِطْرَتَ ٱللَّهِ ٱلَّتِى فَطَرَ ٱلنَّاسَ عَلَيْهَا ۚ لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ ٱللَّهِ ۚ
ذَٰلِكَ ٱلدِّينُ ٱلْقَيِّمُ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾

Maksudnya: *(Setelah jelas kesesatan syirik itu) maka hadapkanlah dirimu (engkau dan pengikut-pengikutmu, wahai Rasulullah) ke arah ugama yang jauh dari kesesatan; (turutlah terus) ugama Allah, iaitu ugama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semulajadinya) untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu; itulah ugama yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui* [Ar-Rum: 30]

[3] Justifikasi kepelbagaian definisi Islam:
Kepelbagaian takrifan Islam yang dikemukan adalah untuk memberi pilihan kepada para pendakwah untuk memilih salah satu daripadanya mengikut situasi dan kesesuaian masyarakat, permasalahan yang dihadapi atau perkara yang ingin diketahui oleh mereka.
Contohnya, definisi ketiga sesuai digunakan untuk berhujah dengan golongan ahli falsafah sesuai dengan persoalan mereka tentang asal usul manusia, tujuan penciptaan dan pengakhiran kehidupannya. Manakala bagi orang yang belum Islam, para pendakwah boleh menggunakan definisi pertama yang bersifat pengenalan tentang Islam iaitu dua kalimah syahadah.

MINGGU 4



3.0 Kedudukan Islam



Islam mempunyai kedudukan atau tempat yang tertinggi dalam kehidupan manusia di dunia dan akhirat. Tiada sesuatu perkara pun yang lebih tinggi kedudukannya selain Islam kerana Islam datangnya dari Allah SWT. Hal ini dapat dibuktikan dengan hujah-hujah berikut:

3.1 Islam adalah *Dinullah* yang diturunkan untuk seluruh umat manusia

Islam merupakan agama yang benar yang datang dari Allah SWT diturunkan untuk seluruh makhluk dan alam semesta. Tidak ada agama lain yang diakui kebenarannya melainkan Islam. Allah SWT berfirman :

إِنَّ ٱلدِّينَ عِندَ ٱللَّهِ ٱلۡإِسۡلَٰمُۗ وَمَا ٱخۡتَلَفَ ٱلَّذِينَ أُوتُواْ ٱلۡكِتَٰبَ إِلَّا مِنۢ بَعۡدِ مَا جَآءَهُمُ ٱلۡعِلۡمُ بَغۡيَۢا بَيۡنَهُمۡۗ وَمَن يَكۡفُرۡ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ فَإِنَّ ٱللَّهَ سَرِيعُ ٱلۡحِسَابِ ١٩

Maksudnya: *"Sesungguhnya ugama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam. Dan orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan Kitab itu tidak berselisih (mengenai ugama Islam dan enggan menerimanya) melainkan setelah sampai kepada mereka pengetahuan yang sah tentang kebenarannya; (perselisihan itu pula) semata-mata kerana hasad dengki yang ada dalam kalangan mereka. Dan (ingatlah), sesiapa yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah, maka sesungguhnya Allah Amat segera hitungan hisabNya"* [Ali-'Imran: 19]

Ayat di atas menerangkan bahawa agama Islam sahaja yang Allah SWT redha untuk hambaNya yang mukmin. Ia adalah agama fitrah yang Allah SWT tetapkan untuk manusia mengikutiNya dan semua para nabi dan rasul diutus untuk menyampaikannya (Islam) kepada umat masing-masing. Maka Islam adalah satu agama yang dibawa oleh semua nabi dan rasul. Contohnya:

1. Nabi Nuh AS:

﴿فَإِنْ تَوَلَّيْتُمْ فَمَا سَأَلْتُكُمْ مِنْ أَجْرٍ إِنْ أَجْرِيَ إِلَّا عَلَى اللَّهِ **وَأُمِرْتُ أَنْ أَكُونَ مِنَ الْمُسْلِمِينَ**﴿٧٢﴾﴾

Maksudnya: *"Oleh itu, jika kamu berpaling membelakangkan peringatanku, maka tidaklah menjadi hal kepadaku, kerana aku tidak meminta sebarang balasan daripada kamu (mengenai ajaran ugama Allah yang aku sampaikan itu); balasanku hanyalah dari Allah semata-mata (sama ada kamu beriman ataupun kamu ingkar);* ***dan aku pula diperintahkan supaya menjadi dari orang-orang Islam (yang berserah diri bulat-bulat kepada Allah)"*** (Yunus: 72)

2. Nabi Ibrahim AS:

﴿إِذْ قَالَ لَهُ رَبُّهُ أَسْلِمْ قَالَ أَسْلَمْتُ لِرَبِّ الْعَالَمِينَ﴿١٣١﴾﴾

Maksudnya: *"(Ingatlah) ketika Tuhannya berfirman kepadanya: "Serahkanlah diri (kepadaKu wahai Ibrahim)!" Nabi Ibrahim menjawab: "Aku serahkan diri (tunduk taat) kepada Tuhan Yang Memelihara dan mentadbirkan sekalian alam"*

(Al-Baqarah: 131)

3. Nabi Musa AS:

﴿وَقَالَ مُوسَى يَا قَوْمِ **إِنْ كُنْتُمْ آمَنْتُمْ بِاللَّهِ فَعَلَيْهِ تَوَكَّلُوا إِنْ كُنْتُمْ مُسْلِمِينَ**﴿٨٤﴾﴾

Maksudnya: *Dan Nabi Musa pula berkata (kepada kaumnya): "Wahai kaumku!* ***Kalau sungguh kamu beriman kepada Allah, maka hendaklah kamu berserah diri kepadaNya, jika betul kamu orang-orang Islam (yang berserah diri bulat-bulat kepada Allah)***

[Yunus: 84]

4. Nabi Isa AS:

﴿وَإِذْ أَوْحَيْتُ إِلَى الْحَوَارِيِّينَ أَنْ آمِنُوا بِي وَبِرَسُولِي **قَالُوا آمَنَّا وَاشْهَدْ بِأَنَّنَا مُسْلِمُونَ**﴾

Maksudnya: "*Dan (ingatlah) ketika Aku ilhamkan kepada orang-orang Hawariyyiin (sahabat-sahabat karib nabi Isa): "Berimanlah kamu kepadaku dan kepada RasulKu!" **Mereka menjawab: "Kami telah beriman, dan saksikanlah, bahawa sesungguhnya kami orang-orang Islam (yang menyerah diri kepada Allah)"***
[Al-Maidah: 111]

Asas dakwah para nabi dan rasul dalam membawa Islam:

1. Mengajak seluruh kaum mereka mentauhidkan Allah SWT, beribadah kepadaNya dan tidak syirik kepadaNya serta meninggalkan penyembahan selain daripadaNya.
2. Mereka menjelaskan jalan untuk membawa kepada Allah SWT iaitu dengan menerima nabi-nabi diutuskan yang mengajar mereka semua panduan hidup sebagai contoh solat, zakat, halal-haram dan termasuklah hukum-hukum taklifi iaitu wajib, sunat, harus, haram dan makruh.
3. Mengetahui kedudukan semua insan apabila berjumpa dengan Allah SWT; bermula daripada mempercayai hari akhirat iaitu bermula dengan mati, nikmat atau azab kubur, bangkit, pahala dan dosa, syurga dan neraka.

Tiga asas di atas terbentuk suruhan dan larangan yang di bawa oleh para nabi dan rasul berdasarkan Islam.

3.2 Semua alam ini diciptakan oleh Allah SWT di atas sistem Islam

Kesemua alam ini merangkumi kejadian langit dan bumi, siang dan malam, tumbuhnya pelbagai jenis tumbuhan, berkembang biaknya pelbagai jenis haiwan serta kesemuanya diciptakan dan ditadbir berdasarkan sistem yang ditetapkan oleh Allah yakni Islam. Firman Allah SWT:

أَفَغَيْرَ دِينِ ٱللَّهِ يَبْغُونَ وَلَهُۥٓ أَسْلَمَ مَن فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا وَإِلَيْهِ يُرْجَعُونَ ﴿٨٣﴾

Maksudnya: *Patutkah sesudah (mengakui dan menerima perjanjian) itu, mereka mencari lain dari ugama Allah? Padahal kepadaNyalah tunduk taat sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi, sama ada dengan sukarela ataupun terpaksa, dan kepadaNya lah mereka dikembalikan.* (Ali-'Imran: 83)

Al-Quran membuktikan bahawa semua makhluk adalah Islam di mana semua makhluk bertasbih kepada Allah. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

سَبَّحَ لِلَّهِ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِۖ وَهُوَ ٱلۡعَزِيزُ ٱلۡحَكِيمُ ١

Maksudnya: *Segala yang ada di langit dan yang ada di bumi, tetap mengucap tasbih kepada Allah; dan Dia lah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.* [al-Saff:1]

Semua makhluk ini bertasbih kepada Allah walaupun tasbih mereka tidak difahami manusia. FirmanNya lagi:

تُسَبِّحُ لَهُ ٱلسَّمَٰوَٰتُ ٱلسَّبۡعُ وَٱلۡأَرۡضُ وَمَن فِيهِنَّۚ وَإِن مِّن شَيۡءٍ إِلَّا يُسَبِّحُ بِحَمۡدِهِۦ وَلَٰكِن لَّا تَفۡقَهُونَ تَسۡبِيحَهُمۡۚ إِنَّهُۥ كَانَ حَلِيمًا غَفُورٗا ٤٤

Maksudnya: *Langit yang tujuh dan bumi serta sekalian makhluk yang ada padanya, sentiasa mengucap tasbih bagi Allah; dan tiada sesuatupun melainkan bertasbih dengan memujiNya; akan tetapi kamu tidak faham akan tasbih mereka. Sesungguhnya Ia adalah Maha Penyabar, lagi Maha Pengampun.* [al-Isra`:44]

Al-Quran menegaskan lagi bahawa semua makhluk adalah Islam di mana mereka sujud mengakui kekuasaan Allah SWT. Hal ini dirakamkan dalam firmanNya:

وَلِلَّهِ يَسۡجُدُ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِ مِن دَآبَّةٖ وَٱلۡمَلَٰٓئِكَةُ وَهُمۡ لَا يَسۡتَكۡبِرُونَ ٤٩

Maksudnya: *Dan bagi Allah jualah tunduk sujud apa yang ada di langit dan yang ada di bumi, dari makhluk-makhluk yang bergerak serta malaikat; sedang mereka (malaikat-malaikat itu) tidak berlaku sombong takbur (daripada beribadat dan sujud kepadaNya).* [al-Nahl:49]

Begitu juga Allah menerangkan bahawa semua makhlukNya tunduk dan patuh kepadaNya sama ada secara terpaksa atau sukarela dalam firmanNya:

وَلِلَّهِ يَسۡجُدُ مَن فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ طَوۡعٗا وَكَرۡهٗا وَظِلَٰلُهُم بِٱلۡغُدُوِّ وَٱلۡأٓصَالِ ١٥

Maksudnya: *Dan kepada Allah jualah sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi tunduk menurut, sama ada dengan sukarela atau dengan terpaksa; dan (demikian juga) bayang-bayang mereka; pada waktu pagi dan petang.* [al-Ra'd:15]

Dalam hubungan ini juga, Allah SWT menyatakan bahawa langit dan bumi tunduk kepada perintahNya secara sukarela:

ثُمَّ ٱسۡتَوَىٰٓ إِلَى ٱلسَّمَآءِ وَهِيَ دُخَانٞ فَقَالَ لَهَا وَلِلۡأَرۡضِ ٱئۡتِيَا طَوۡعًا أَوۡ كَرۡهٗا قَالَتَآ أَتَيۡنَا طَآئِعِينَ ١١

Maksudnya: *Kemudian Ia menunjukkan kehendakNya ke arah (bahan-bahan) langit sedang langit itu masih berupa asap; lalu Ia berfirman kepadanya dan kepada bumi: "Turutlah kamu berdua akan perintahKu, sama ada dengan sukarela atau dengan paksa!" Keduanya menjawab: "Kami berdua sedia menurut-patuh dengan sukarela"* [Fussilat:11]

Malah, makhluk-makhluk di langit mahupun di bumi juga patuh dan taat kepada sistem yang ditetapkan oleh Allah SWT sebagaimana firmanNya:

إِنَّ فِي خَلۡقِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ وَٱخۡتِلَٰفِ ٱلَّيۡلِ وَٱلنَّهَارِ وَٱلۡفُلۡكِ ٱلَّتِي تَجۡرِي فِي ٱلۡبَحۡرِ بِمَا يَنفَعُ ٱلنَّاسَ وَمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مِن مَّآءٖ فَأَحۡيَا بِهِ ٱلۡأَرۡضَ بَعۡدَ مَوۡتِهَا وَبَثَّ فِيهَا مِن كُلِّ دَآبَّةٖ وَتَصۡرِيفِ ٱلرِّيَٰحِ وَٱلسَّحَابِ ٱلۡمُسَخَّرِ بَيۡنَ ٱلسَّمَآءِ وَٱلۡأَرۡضِ لَأٓيَٰتٖ لِّقَوۡمٖ يَعۡقِلُونَ ١٦٤

Maksudnya: *Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi; dan (pada) pertukaran malam dan siang; dan (pada) kapal-kapal yang belayar di laut dengan membawa benda-benda yang bermanfaat kepada manusia; demikian juga (pada) air hujan yang Allah turunkan dari langit lalu Allah hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta Ia biakkan padanya dari berbagai-bagai jenis binatang; demikian juga (pada) peredaran angin dan awan yang tunduk (kepada kuasa Allah) terapung-apung di antara langit dengan bumi; sesungguhnya (pada semuanya itu) ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan Allah kekuasaanNya, kebijaksanaanNya, dan keluasan rahmatNya) bagi kaum yang (mahu) menggunakan akal fikiran.* [al-Baqarah: 164]

3.3 Islam adalah sistem hidup sempurna yang diturunkan kepada seluruh manusia agar mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat

Firman Allah:


﴿وَمَآ أَرۡسَلۡنَٰكَ إِلَّا رَحۡمَةٗ لِّلۡعَٰلَمِينَ١٠٧﴾

Maksudnya: *Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam* [Al-Anbiyaa: 107]

Semua manusia yang di dunia ini ingin kepada kebahagiaan dan tidak mahu kepada keburukan. Mereka senantiasa mencari jalan untuk mencapai tujuan tersebut. Disinilah Islam

merupakan cara hidup sempurna yang meliputi seluruh aspek kehidupan manusia. Kesempurnaan agama Islam bukan sahaja difokuskan kepada amalan khusus seperti solat, puasa dan zakat bahkan merangkumi aspek-aspek lain seperti pentadbiran, sosial, ekonomi, politik, pembangunan, pendidikan dan lain-lain lagi.

MINGGU 5



3.4 Allah memerintahkan semua jin dan manusia untuk mengabdikan diri kepadaNya

Allah mencipta jin dan manusia dan memerintahkan mereka untuk menyembah dan beribadat kepadaNya. Firman Allah:

وَمَا خَلَقْتُ ٱلْجِنَّ وَٱلْإِنسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Maksudnya: *Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu* [al-Dzariyat: 56]

Secara khususnya, Allah menyeru manusia supaya mengabdikan diri kepadaNya dengan mengikut Islam menerusi firmanNya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱعْبُدُواْ رَبَّكُمُ ٱلَّذِى خَلَقَكُمْ وَٱلَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿٢١﴾

Maksudnya: *"Wahai sekalian manusia! Beribadatlah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan orang-orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu (menjadi orang-orang yang) bertaqwa"* [al-Baqarah: 21]

Umat Islam hendaklah mendasarkan hidup mereka kepada Islam dan tidak mencampur aduk dengan sistem yang lain. Firman Allah SWT:

قُلْ يَٰٓأَيُّهَا ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿١﴾ لَآ أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ ﴿٢﴾ وَلَآ أَنتُمْ عَٰبِدُونَ مَآ أَعْبُدُ ﴿٣﴾ وَلَآ أَنَا۠ عَابِدٌ مَّا عَبَدتُّمْ ﴿٤﴾ وَلَآ أَنتُمْ عَٰبِدُونَ مَآ أَعْبُدُ ﴿٥﴾ لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِىَ دِينِ ﴿٦﴾

Maksudnya: *"Katakanlah (wahai Rasulullah): "Hai orang-orang kafir!(1) "Aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah(2) "Dan kamu tidak mahu menyembah (Allah) yang aku sembah(3) "Dan aku tidak akan beribadat secara kamu beribadat(4) "Dan kamu pula tidak mahu beribadat secara aku beribadat(5) "Bagi kamu ugama kamu, dan bagiku ugamaku"(6)* [al-Kafirun: 1-6]

Setiap muslim diajar supaya mengulangi ikrar pengabdian kepada Allah iaitu mengikut Islam dalam setiap rakaat solat mereka dengan mengucapkan;

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ﴿٥﴾

Maksudnya: *"Engkaulah sahaja (Ya Allah) Yang Kami sembah, dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan"* [al-Fatihah: 5]

3.5 Allah SWT memerintahkan kepada umat manusia supaya bertakwa, beriman dan mati dalam Islam

Allah SWT memerintahkan kepada umat manusia supaya bertakwa, beriman dan mati dalam Islam sebagaimana firmanNya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِۦ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُم مُّسۡلِمُونَ ١٠٢

Maksudnya: *"Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa, dan jangan sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan Islam"* [Ali-'Imran: 102]

Ayat di atas menerangkan tiga perkara besar iaitu:

1. Beriman kepada Allah SWT

   Iman adalah asas utama dalam kehidupan seorang insan. Ia merupakan syarat pertama setiap amalan diterima Allah.

2. Bertaqwa kepada Allah SWT

   Taqwa merupakan sifat yang paling tinggi yang perlu dimililki oleh setiap muslim. Maksud taqwa ialah takut kerana Allah, beramal dengan suruhan Al-Quran dan Hadis, redha dengan rezeki yang diberikan (walaupun merasakan ia sedikit) dan bersedia untuk hari mati

3. Mati di dalam Islam

   Setiap yang hidup akan mati. Allah berpesan supaya setiap hambaNya mati di dalam agama Islam. Hanya dengan Islam sahajalah Allah menerima amalan mereka dan Allah akan redha dan seterusnya memasukkan mereka ke dalam syurga.

Allah SWT berfirman kepada Nabi Ibrahim AS:

﴿إِذۡ قَالَ لَهُۥ رَبُّهُۥٓ أَسۡلِمۡۖ قَالَ أَسۡلَمۡتُ لِرَبِّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ١٣١﴾

Maksudnya: *(Ingatlah) ketika Tuhannya berfirman kepadanya: "Serahkanlah diri (kepadaKu wahai Ibrahim)!" Nabi Ibrahim menjawab: "Aku serahkan diri (tunduk taat) kepada Tuhan Yang Memelihara dan mentadbirkan sekalian alam"*

[Al-Baqarah: 131]

Nabi Ibrahim AS dan Nabi Yaakub mengajak anak-anak dan zuriat masing-masing supaya mengikut agama Islam. Firman Allah SWT:

وَوَصَّىٰ بِهَآ إِبۡرَٰهِـۧمُ بَنِيهِ وَيَعۡقُوبُ يَٰبَنِيَّ إِنَّ ٱللَّهَ ٱصۡطَفَىٰ لَكُمُ ٱلدِّينَ فَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُم مُّسۡلِمُونَ ١٣٢

Maksudnya: *"Dan Nabi Ibrahim pun berwasiat dengan ugama itu kepada anak-anaknya, dan (demikian juga) Nabi Yaakub (berwasiat kepada anak-anaknya) katanya: "Wahai anak-anakku! Sesungguhnya Allah telah memilih ugama (Islam) ini menjadi ikutan kamu, maka janganlah kamu mati melainkan kamu dalam keadaan Islam"* [al-Baqarah: 132]

Kemudian, Nabi Yaakob bertanya anak-anaknya apa yang mereka akan sembah setelah peninggalannya. Allah SWT menjelaskan dalam firmanNya:

﴿أَمْ كُنْتُمْ شُهَدَاءَ إِذْ حَضَرَ يَعْقُوبَ الْمَوْتُ إِذْ قَالَ لِبَنِيهِ مَا تَعْبُدُونَ مِنْ بَعْدِي قَالُوا نَعْبُدُ إِلَهَكَ وَإِلَهَ آبَائِكَ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ إِلَهًا وَاحِدًا وَنَحْنُ لَهُ مُسْلِمُونَ ١٣٣﴾

«(Demikianlah wasiat Nabi Yaakub, bukan sebagaimana yang kamu katakan itu wahai orang-orang Yahudi)! Kamu tiada hadir ketika Nabi Yaakub hampir mati, ketika ia berkata kepada anak-anaknya: "Apakah yang kamu akan sembah sesudah aku mati?" Mereka menjawab: "Kami menyembah Tuhanmu dan Tuhan datuk nenekmu Ibrahim dan Ismail dan Ishak, iaitu Tuhan yang Maha Esa, dan kepadaNyalah sahaja kami berserah diri (dengan penuh iman)"(133)» [Al-Baqara: 133]

Rasulullah SAW adalah orang yang pertama Islam dan membawa Islam kepada umatnya.

﴿مَن جَآءَ بِٱلۡحَسَنَةِ فَلَهُۥ عَشۡرُ أَمۡثَالِهَاۖ وَمَن جَآءَ بِٱلسَّيِّئَةِ فَلَا يُجۡزَىٰٓ إِلَّا مِثۡلَهَا وَهُمۡ لَا يُظۡلَمُونَ ١٦٠ قُلۡ إِنَّنِي هَدَىٰنِي رَبِّيٓ إِلَىٰ صِرَٰطٖ مُّسۡتَقِيمٖ دِينٗا قِيَمٗا مِّلَّةَ إِبۡرَٰهِيمَ حَنِيفٗاۚ وَمَا كَانَ مِنَ ٱلۡمُشۡرِكِينَ ١٦١ قُلۡ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحۡيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ١٦٢﴾

Maksudnya: *Sesiapa yang membawa amal kebaikan (pada hari kiamat), maka baginya (balasan) sepuluh kali ganda (dari kebaikan) yang sama dengannya; dan sesiapa yang membawa amal kejahatan, maka ia tidak dibalas melainkan (kejahatan) yang sama dengannya; sedang mereka tidak dianiaya (sedikitpun)(160)*

3.6 Para Rasul telah mengajak anak-anak dan zuriat supaya bertakwa, beriman dan mati dalam Islam

Nabi Ibrahim AS dan Nabi Yaakub AS telah berwasiat kepada anak-anak dan keturunannya supaya bertakwa, beriman dan mati dalam Islam. Firman Allah SWT:

وَوَصَّىٰ بِهَآ إِبۡرَٰهِـۧمُ بَنِيهِ وَيَعۡقُوبُ يَٰبَنِيَّ إِنَّ ٱللَّهَ ٱصۡطَفَىٰ لَكُمُ ٱلدِّينَ فَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُم مُّسۡلِمُونَ ١٣٢

Maksudnya: *"Dan Nabi Ibrahim pun berwasiat dengan ugama itu kepada anak-anaknya, dan (demikian juga) Nabi Yaakub (berwasiat kepada anak-anaknya) katanya: "Wahai anak-anakku! Sesungguhnya Allah telah memilih ugama (Islam) ini menjadi ikutan kamu, maka janganlah kamu mati melainkan kamu dalam keadaan Islam"* [al-Baqarah: 132]

Para nabi dan rasul bukan sahaja mencintai anak-anak mereka tetapi juga kepada umatnya. Perkara paling utama yang mereka berikan perhatian ialah supaya anak-anak mengikuti Islam dan tidak melakukan syirik kepada Allah SWT. Firman Allah SWT:

﴿وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِابْنِهِ وَهُوَ يَعِظُهُ يَا بُنَيَّ لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ ١٣﴾

Maksudnya: *"Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, semasa ia memberi nasihat kepadanya:" Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar"* [Luqman: 13]

Kecintaan nabi kepada umat mereka lebih daripada segala-galanya.

﴿لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِنْ أَنْفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ ١٢٨﴾

Maksudnya: *"Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari golongan kamu sendiri (iaitu Nabi Muhammad s.a.w), yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu, yang sangat tamak (inginkan) kebaikan bagi kamu, (dan) ia pula menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang-orang yang beriman"*

[At-Taubah: 128]

﴿فَلَعَلَّكَ بَاخِعٌ نَفْسَكَ عَلَى آثَارِهِمْ إِنْ لَمْ يُؤْمِنُوا بِهَذَا الْحَدِيثِ أَسَفًا ٦﴾

Maksudnya: *"Maka jangan-jangan pula engkau (wahai Rasulullah), membinasakan dirimu disebabkan menanggung dukacita terhadap kesan-kesan perbuatan buruk mereka, jika mereka enggan beriman kepada keterangan Al-Quran ini"*

[Al-Kahf: 6]

﴿لَعَلَّكَ بَاخِعٌ نَفْسَكَ أَلَّا يَكُونُوا مُؤْمِنِينَ ٣﴾

Maksudnya: *"Jangan-jangan pula engkau (wahai Rasulullah), membinasakan dirimu dengan menanggung dukacita, kerana mereka tidak menjadi orang-orang yang beriman"*

[Ash-Shu'araa: 3]

3.7 Allah hanya menerima Islam sebagai landasan hidup dan menolak yang lain

Allah SWT hanya menerima dan mengiktiraf Islam sebagai agama yang benar dan menolak segala yang selainnya. Hal ini ditegaskan oleh Allah SWT melalui firmanNya:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ وَمَا اخْتَلَفَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ بَغْيًا بَيْنَهُمْ وَمَنْ يَكْفُرْ بِآيَاتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ ١٩

Maksudnya: *Sesungguhnya ugama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam. Dan orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan Kitab itu tidak berselisih (mengenai ugama Islam dan enggan menerimanya) melainkan setelah sampai kepada mereka pengetahuan yang sah tentang kebenarannya; (perselisihan itu pula) semata-mata kerana hasad dengki yang ada dalam kalangan mereka. Dan (ingatlah), sesiapa yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah, maka sesungguhnya Allah Amat segera hitungan hisabNya* [Ali-'Imran: 19]

Selain itu, Allah SWT menyatakan sesiapa tidak menjadikan Islam sebagai panduan hidupnya akan mendapat kerugian di akhirat kelak. Firman Allah SWT:

وَمَن يَبْتَغِ غَيْرَ ٱلْإِسْلَٰمِ دِينًا فَلَن يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِى ٱلْءَاخِرَةِ مِنَ ٱلْخَٰسِرِينَ ٨٥

Maksudnya: *"Dan sesiapa yang mencari ugama selain ugama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi".* [Ali-'Imran: 85]

Disamping itu, Islam juga merupakan syarat utama penerimaan sesuatu ibadah yang dikerjakan. Hal ini berdasarkan sabda Rasulullah SAW:

تَجِيءُ الْأَعْمَالُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، فَتَجِيءُ الصَّلَاةُ، فَتَقُولُ: يَا رَبِّ أَنَا الصَّلَاةُ، فَيَقُولُ: إِنَّكِ عَلَى خَيْرٍ، فَتَجِيءُ الصَّدَقَةُ، فَتَقُولُ: يَا رَبِّ أَنَا الصَّدَقَةُ، فَيَقُولُ: إِنَّكِ عَلَى خَيْرٍ، ثُمَّ يَجِيءُ الصِّيَامُ، فَيَقُولُ: أَيْ يَا رَبِّ أَنَا الصِّيَامُ، فَيَقُولُ: إِنَّكَ عَلَى خَيْرٍ، ثُمَّ تَجِيءُ الْأَعْمَالُ عَلَى ذَلِكَ، فَيَقُولُ اللهُ تعالى :إِنَّكِ عَلَى خَيْرٍ، ثُمَّ

يَجِيءُ الْإِسْلَامُ فَيَقُولُ: يَا رَبِّ أَنْتَ السَّلَامُ وَأَنَا الْإِسْلَامُ فَيَقُولُ اللهُ تعالى :إِنَّكَ عَلَى خَيْرٍ بِكَ الْيَوْمَ آخُذُ وَبِكَ أُعْطِي، قَالَ اللهُ تعالى فِي كِتَابِهِ :﴿وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنْ الْخَاسِرِينَ﴾

Maksudnya: *Dibentangkan amalan pada hari kiamat, maka datanglah solat dan berkata: Wahai Tuhan! Aku adalah solat. Maka Allah menjawab: Sesungguhnya kamu dalam kebaikan. Kemudian datang sedekah dan ia berkata: Wahai Tuhan! Aku adalah sedekah. Maka jawab Allah: Sesungguhnya kamu dalam kebaikan. Kemudian datang puasa dan ia berkata: Wahai Tuhan! Aku adalah puasa. Maka jawab Allah: Sesungguhnya kamu dalam kebaikan. Kemudian datangnya amalan-amalan lain dalam keadaan seperti itu. Maka Allah menjawab: Sesungguhnya kamu dalam kebaikan. Kemudian datang Islam dan ia berkata: Wahai Tuhan! Engkau adalah al-Salam dan aku adalah Islam. Maka Allah menjawab: Sesungguhnya kamu dalam kebaikan, denganmu pada hari ini Aku memberi seksa dan denganmu juga Aku memberi (pengampunan dan kurniaan). Allah SWT berfirman dalam kitabNya; "Dan sesiapa yang mencari ugama selain ugama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi".* (Riwayat Ahmad)

Dalam firman Allah yang lain, dijelaskan bahawa seseorang jangan terpedaya dengan amalan baik yang dilakukan sekiranya tidak berdasarkan kepada Islam. Hal ini sebagaimana firmanNya:

قُلْ هَلْ نُنَبِّئُكُم بِٱلْأَخْسَرِينَ أَعْمَٰلًا ﴿١٠٣﴾ ٱلَّذِينَ ضَلَّ سَعْيُهُمْ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا وَهُمْ يَحْسَبُونَ أَنَّهُمْ يُحْسِنُونَ صُنْعًا ﴿١٠٤﴾ أُولَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِـَٔايَٰتِ رَبِّهِمْ وَلِقَآئِهِۦ فَحَبِطَتْ أَعْمَٰلُهُمْ فَلَا نُقِيمُ لَهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَزْنًا﴿١٠٥﴾

Maksudnya: *Katakanlah (wahai Rasulullah): "Mahukah Kami khabarkan kepada kamu akan orang-orang yang paling rugi amal-amal perbuatannya? (Iaitu) orang-orang yang telah sia-sia amal usahanya dalam kehidupan dunia ini, sedang mereka menyangka bahawa mereka sentiasa betul dan baik pada apa sahaja yang mereka lakukan". Merekalah orang-orang yang kufur ingkar akan ayat-ayat Tuhan mereka dan akan pertemuan denganNya; oleh itu gugurlah amal-amal mereka; maka akibatya Kami tidak akan memberi sebarang timbangan untuk menilai amal mereka, pada hari kiamat kelak(105)* [al-Kahfi: 103-105]

Hal ini diperkukuhkan lagi dengan sabda Rasulullah SAW:

"مَنْ عَمِلَ عَمَلاً لَيْسَ عَلَيهُ أَمْرُنَا فَهُوَ رَدٌّ "

Maksudnya: *"Barangsiapa yang mengerjakan suatu amalan yang tidak ada asal usul dengan agama kita, maka ia tertolak"* (Riwayat Muslim)

3.8 Islam adalah nikmat paling besar

Islam adalah nikmat Allah SWT yang terbesar buat hamba-hambaNya berbanding segala nikmat yang lain. Ini kerana nikmat Islam tidak akan terhenti sampai bila-bila sehingga akhirat. Nikmat hidup akan terhenti dengan kematian, nikmat kaya akan terhenti dengan miskin, sihat akan terhenti dengan sakit dan sebagainya. Allah menyempurnakan agama dan mencukupkan nikmat untuk manusia dengan Islam. Firman Allah SWT:


... ٱلۡيَوۡمَ أَكۡمَلۡتُ لَكُمۡ دِينَكُمۡ وَأَتۡمَمۡتُ عَلَيۡكُمۡ نِعۡمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ ٱلۡإِسۡلَٰمَ دِينٗاۚ فَمَنِ ٱضۡطُرَّ فِي مَخۡمَصَةٍ غَيۡرَ مُتَجَانِفٖ لِّإِثۡمٖ فَإِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٞ رَّحِيمٞ ٣

Maksudnya: *"... Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu ugama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi ugama untuk kamu. Maka sesiapa yang terpaksa kerana kelaparan (memakan benda-benda yang diharamkan) sedang ia tidak cenderung hendak melakukan dosa (maka bolehlah ia memakannya), kerana sesungguhnya Allah maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani".* [al-Ma`idah: 3][4]

Imam Ibn Kathir menjelaskan bahawa Islam adalah nikmat yang terbesar yang dianugerahkan Allah kepada umat ini di mana Allah menyempurnakan agama Islam dan tidak perlu lagi kepada agama dan nabi lain selepas Rasulullah SAW. Allah juga telah mengutuskan baginda kepada seluruh jin dan manusia. Tidak ada lagi yang halal kecuali apa yang dihalalkan oleh Islam, begitu juga tiada yang haram kecuali yang diharamkan oleh Islam dan tiada lagi agama kecuali apa yang disyariatkan oleh Islam.

[4] Diceritakan oleh Ammar bin Abi Ammar bahawa Ibn Abbas membaca ayat ini dan disampingnya ada seorang Yahudi mendengar ayat tersebut, lantas dia berkata "Seandainya ayat ini diturunkan untuk kami (orang Yahudi), pasti kami jadikan hari turun ayat ini sebagai hari raya buat kami". Setelah itu, Ibn Abbas menjawab, "Sesungguhnya ayat ini diturunkan pada dua hari raya sekaligus iaitu Hari Raya dan hari Jumaat." Diriwayatkan oleh al-Tabrani dalam *Mu'jam al-Kabir.*

MINGGU 6



3.9 Semua Nabi dan Rasul mengajak umat masing-masing kepada Islam



Semua Nabi dan Rasul bermula dengan Nabi Adam AS sehinggalah Nabi Muhammad SAW menyeru manusia kepada Islam. Berikut merupakan dalil-dalil para Nabi dan Rasul mengajak manusia kepada Islam serta umat terdahulu mengaku sebagai Islam:

1) Nabi Nuh AS mengajak umatnya kepada Islam

Allah SWT merakamkan kisah Nabi Nuh AS yang mengajak dan menyeru kaumnya kepada Islam. Firman Allah:

۞وَٱتۡلُ عَلَيۡهِمۡ نَبَأَ نُوحٍ إِذۡ قَالَ لِقَوۡمِهِۦ يَٰقَوۡمِ إِن كَانَ كَبُرَ عَلَيۡكُم مَّقَامِي وَتَذۡكِيرِي بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ فَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلۡتُ فَأَجۡمِعُوٓاْ أَمۡرَكُمۡ وَشُرَكَآءَكُمۡ ثُمَّ لَا يَكُنۡ أَمۡرُكُمۡ عَلَيۡكُمۡ غُمَّةٗ ثُمَّ ٱقۡضُوٓاْ إِلَيَّ وَلَا تُنظِرُونِ ٧١ فَإِن تَوَلَّيۡتُمۡ فَمَا سَأَلۡتُكُم مِّنۡ أَجۡرٍۖ إِنۡ أَجۡرِيَ إِلَّا عَلَى ٱللَّهِۖ وَأُمِرۡتُ أَنۡ أَكُونَ مِنَ ٱلۡمُسۡلِمِينَ ٧٢

Maksudnya: *Dan bacakanlah kepada mereka (wahai Rasulullah) perihal Nabi Nuh, ketika ia berkata kepada kaumnya: "Wahai kaumku! Sekiranya kedudukan aku dalam kalangan kamu, dan peringatan yang aku berikan kepada kamu dengan ayat-ayat keterangan Allah itu, menjadi keberatankepada kamu, maka (buatlah apa yang kamu hendak buat, kerana) kepada Allah jualah aku berserah diri. Oleh itu, tetapkanlah keazaman kamu serta sekutu-sekutu kamu untuk melakukan rancangan jahat kamu terhadapku; kemudian janganlah hendaknya rancangan jahat kamu itu, kamu jalankan secara tersembunyi (tetapi biarlah terbuka); sesudah itu bertindaklah terus terhadapku dan janganlah kamu tunggu-tunggu lagi (71) "Oleh itu, jika kamu berpaling membelakangkan peringatanku, maka tidaklah menjadi hal kepadaku, kerana aku tidak meminta sebarang balasan daripada kamu (mengenai ajaran ugama Allah yang aku sampaikan itu); balasanku hanyalah dari Allah semata-mata (sama ada kamu beriman ataupun kamu ingkar); dan aku pula diperintahkan supaya menjadi dari orang-orang Islam (yang berserah diri bulat-bulat kepada Allah)"(72)* [Yunus: 71-72]

2) Nabi Ibrahim AS berdoa kepada Allah agar menjadikannya orang Islam

Ketika Nabi Ibrahim AS dan anaknya Nabi Ismail AS membina Kaabah, maka baginda berdoa agar mereka serta keturunannya menjadi orang Islam.

رَبَّنَا وَٱجۡعَلۡنَا مُسۡلِمَيۡنِ لَكَ وَمِن ذُرِّيَّتِنَآ أُمَّةٗ مُّسۡلِمَةٗ لَّكَ وَأَرِنَا مَنَاسِكَنَا وَتُبۡ عَلَيۡنَآۖ إِنَّكَ أَنتَ ٱلتَّوَّابُ ٱلرَّحِيمُ ١٢٨

Maksudnya: *"Wahai Tuhan kami! Jadikanlah kami berdua: orang-orang Islam (yang berserah diri) kepadaMu, dan jadikanlah daripada keturunan kami: umat Islam (yang berserah diri) kepadamu, dan tunjukkanlah kepada kami syariat dan cara-caraibadat kami, dan terimalah taubat kami; sesungguhnya Engkaulah Maha Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani"* [al-Baqarah: 128]

3) Nabi Ibrahim AS dan Nabi Yaakub AS berpesan kepada anak-anaknya supaya mati sebagai orang Islam

Nabi Ibrahim AS dan Nabi Yaakub AS berpesan kepada anak-anaknya supaya mati sebagai orang Islam kerana agama Islam diiktiraf oleh Allah SWT. Firman Allah SWT:

وَوَصَّىٰ بِهَآ إِبۡرَٰهِـۧمُ بَنِيهِ وَيَعۡقُوبُ يَٰبَنِيَّ إِنَّ ٱللَّهَ ٱصۡطَفَىٰ لَكُمُ ٱلدِّينَ فَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُم مُّسۡلِمُونَ١٣٢

Maksudnya: *Dan Nabi Ibrahim pun berwasiat dengan ugama itu kepada anak-anaknya, dan (demikian juga) Nabi Yaakub (berwasiat kepada anak-anaknya) katanya: "Wahai anak-anakku! Sesungguhnya Allah telah memilih ugama (Islam) ini menjadi ikutan kamu, maka janganlah kamu mati melainkan kamu dalam keadaan Islam"* [al-Baqarah: 132]

Nabi Yaakob bertanya anak-anaknya apa yang mereka akan sembah setelah peninggalannya. Allah SWT menjelaskan dalam firmanNya:

﴿أَمْ كُنْتُمْ شُهَدَاءَ إِذْ حَضَرَ يَعْقُوبَ الْمَوْتُ إِذْ قَالَ لِبَنِيهِ مَا تَعْبُدُونَ مِنْ بَعْدِى قَالُوا نَعْبُدُ إِلَهَكَ وَإِلَهَ آبَائِكَ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ إِلَهًا وَاحِدًا وَنَحْنُ لَهُ مُسْلِمُونَ١٣٣﴾

«(Demikianlah wasiat Nabi Yaakub, bukan sebagaimana yang kamu katakan itu wahai orang-orang Yahudi)! Kamu tiada hadir ketika Nabi Yaakub hampir mati, ketika ia berkata kepada anak-anaknya: "Apakah yang kamu akan sembah sesudah aku mati?" Mereka menjawab: "Kami menyembah Tuhanmu dan Tuhan datuk nenekmu Ibrahim dan Ismail dan Ishak, iaitu Tuhan yang Maha Esa, dan kepadaNyalah sahaja kami berserah diri (dengan penuh iman)"(133)» [Al-Baqara: 133]

4) Nabi Sulaiman AS menyeru Balqis kepada Islam

Nabi Sulaiman AS menyeru Raja Perempuan Negeri Saba' yang bernama Balqis supaya menganut Islam menerusi sepucuk surat yang disampaikan melalui burung Hud-Hud. Firman Allah:

إِنَّهُۥ مِن سُلَيۡمَٰنَ وَإِنَّهُۥ بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ٣٠ أَلَّا تَعۡلُواْ عَلَيَّ وَأۡتُونِي مُسۡلِمِينَ٣١

Maksudnya: *"Sesungguhnya surat itu dari Nabi Sulaiman, dan kandungannya (seperti berikut): (30) `Bahawa janganlah kamu meninggi diri terhadapku, dan datanglah kamu kepadaku dengan menyerah diri (beriman dan mematuhi ajaran ugama Allah). ' "(31)* [al-Naml: 30-31]

5) Raja Balqis menerima dakwah Nabi Sulaiman AS dan menganut Islam

Apabila Raja Balqis datang menghadap Nabi Sulaiman AS dan memasuki istana baginda yang diperbuat daripada kaca. Raja Balqis amat kagum dengan kejadian tersebut lalu menegaskan bahawa beliau memeluk Islam. Firman Allah:

قِيلَ لَهَا ٱدۡخُلِي ٱلصَّرۡحَۖ فَلَمَّا رَأَتۡهُ حَسِبَتۡهُ لُجَّةٗ وَكَشَفَتۡ عَن سَاقَيۡهَاۚ قَالَ إِنَّهُۥ صَرۡحٞ مُّمَرَّدٞ مِّن قَوَارِيرَۗ قَالَتۡ رَبِّ إِنِّي ظَلَمۡتُ نَفۡسِي وَأَسۡلَمۡتُ مَعَ سُلَيۡمَٰنَ لِلَّهِ رَبِّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ٤٤

Maksudnya: *(Setelah itu) dikatakan kepadanya: "Dipersilakan masuk ke dalam istana ini." Maka ketika ia melihatnya, disangkanya halaman istana itu sebuah kolam air, serta dia pun menyingsingkan pakaian dari dua betisnya. Nabi Sulaiman berkata: "Sebenarnya ini adalah sebuah istana yang diperbuat licin berkilat dari kaca". (Mendengar yang demikian), Balqis berdoa: "Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku telah menganiaya diri sendiri dan (sekarang aku menegaskan bahawa) aku berserah diri memeluk Islam bersama-sama Nabi Sulaiman, kepada Allah Tuhan sekalian alam"* [al-Naml: 44]

6) Nabi Yusuf AS berdoa agar mati sebagai orang Islam

Nabi Yusuf AS; seorang Nabi yang dikurniakan oleh Allah SWT kekuasaan pemerintahan dan ilmu tafsir mimpi. Baginda AS sebelumnya diuji dengan dibuang ke dalam telaga oleh adik beradiknya, kemudiannya diuji lagi dengan dimasukkan ke dalam penjara. Baginda AS berdoa agar mati dalam keadaan Islam sepertimana dalam firman Allah SWT:

۞رَبِّ قَدۡ ءَاتَيۡتَنِي مِنَ ٱلۡمُلۡكِ وَعَلَّمۡتَنِي مِن تَأۡوِيلِ ٱلۡأَحَادِيثِۚ فَاطِرَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ أَنتَ وَلِيِّۦ فِي ٱلدُّنۡيَا وَٱلۡأٓخِرَةِۖ تَوَفَّنِي مُسۡلِمٗا وَأَلۡحِقۡنِي بِٱلصَّٰلِحِينَ ١٠١

Maksudnya: *"Wahai Tuhanku! Sesungguhnya Engkau telah mengurniakan daku sebahagian dari kekuasaan (pemerintahan) dan mengajarku sebahagian dari ilmu tafsiran mimpi. Wahai Tuhan yang menciptakan langit dan bumi Engkau Penguasa dan Pelindungku di dunia dan di akhirat; sempurnakanlah ajalku (ketika mati) dalam keadaan Islam, dan hubungkanlah daku dengan orang-orang yang soleh"* [Yusuf: 101]

7) Ahli sihir Firaun yang telah Islam berdoa agar mati dalam Islam

Ketika Nabi Musa AS bersemuka dengan Firaun dan menunjukkan mukjizat tongkat bertukar menjadi ular. Lantas Firaun mengumpulkan ahli-ahli sihir untuk berhadapan dengan Nabi Musa AS. Ahli-ahli sihir itu menggunakan sihir mereka dengan pelbagai cara untuk mendatangkan ular-ular yang merayap. Lalu Allah SWT perintahkan Nabi Musa AS supaya mencampakkan tongkat Baginda lalu bertukar menjadi seekor ular yang besar kemudiannya menelan kesemua ular ahli sihir. Kekalahan ahli-ahli sihir tersebut menyebabkan mereka beriman kepada Allah SWT. Mereka diancam oleh Firaun dengan memotong tangan dan kaki secara bersilang namun mereka tetap beriman dan berdoa agar mati dalam Islam sebagaimana firman Allah SWT:

وَمَا تَنقِمُ مِنَّآ إِلَّآ أَنْ ءَامَنَّا بِـَٔايَـٰتِ رَبِّنَا لَمَّا جَآءَتْنَا ۚ رَبَّنَآ أَفْرِغْ عَلَيْنَا صَبْرًا وَتَوَفَّنَا مُسْلِمِينَ ﴿١٢٦﴾

Maksudnya: *"Dan tidaklah engkau (hai Firaun) marah (dan bertindak menyeksa) kami melainkan kerana kami beriman kepada ayat-ayat Tuhan kami, ketika sampainya kepada kami". (Mereka berdoa): "Wahai Tuhan kami, limpahkanlah kesabaran kepada kami, dan matikanlah kami dalam keadaan Islam (berserah bulat-bulat kepadaMu)"* [al-A'raf: 126]

8) Firaun mengaku sebagai orang Islam

Firaun iaitu pemerintah Mesir yang memelihara dan membesarkan Nabi Musa AS dalam istana. Apabila Nabi Musa AS dewasa dan menyeru supaya beriman kepada Allah SWT, Firaun memusuhi lalu memerangi Baginda. Dalam satu peristiwa, Firaun mengejar Nabi Musa AS dan Bani Israel merentasi Laut Merah. Kemudian, setelah Firaun lemas dia mengaku beriman dengan ajaran Nabi Musa AS dan mengaku sebagai orang Islam. Peristiwa ini dirakamkan oleh Allah SWT menerusi firmanNya:

۞وَجَٰوَزْنَا بِبَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ ٱلْبَحْرَ فَأَتْبَعَهُمْ فِرْعَوْنُ وَجُنُودُهُۥ بَغْيًا وَعَدْوًا ۖ حَتَّىٰٓ إِذَآ أَدْرَكَهُ ٱلْغَرَقُ قَالَ ءَامَنتُ أَنَّهُۥ لَآ إِلَـٰهَ إِلَّا ٱلَّذِىٓ ءَامَنَتْ بِهِۦ بَنُوٓا۟ إِسْرَٰٓءِيلَ وَأَنَا۠ مِنَ ٱلْمُسْلِمِينَ ﴿٩٠﴾

Maksudnya: *Dan Kami bawakan Bani Israil ke seberang Laut Merah, lalu dikejar oleh Firaun dan tenteranya, dengan tujuan melakukan kezaliman dan pencerobohan, sehingga apabila Firaun hampir tenggelam berkatalah ia (pada saat yang genting itu): "Aku percaya, bahawa tiada Tuhan melainkan yang dipercayai oleh Bani Israil, dan aku adalah dari orang-orang yang berserah diri (menurut perintah)"* [Yunus: 90]

9) *Hawariyyun* (Penolong Nabi Isa AS) mengaku sebagai orang Islam

Hawariyyun merupakan sahabat dan penolong Nabi Isa AS dalam menyampaikan dakwah. Ketika dakwah Nabi Isa AS ditolak oleh kaumnya, Baginda AS bertanya siapakah penolong-penolong agama Allah SWT yang bersedia untuk berjuang, maka *Hawariyyun* menjawab seruan Nabi Isa AS dan menyatakan keimanan kepada Allah SWT serta menyatakan keislaman mereka sebagaimana yang dirakamkan oleh Allah SWT:

۞فَلَمَّآ أَحَسَّ عِيسَىٰ مِنۡهُمُ ٱلۡكُفۡرَ قَالَ مَنۡ أَنصَارِيٓ إِلَى ٱللَّهِۖ قَالَ ٱلۡحَوَارِيُّونَ نَحۡنُ أَنصَارُ ٱللَّهِ ءَامَنَّا بِٱللَّهِ وَٱشۡهَدۡ بِأَنَّا مُسۡلِمُونَ ٥٢

Maksudnya: *Maka ketika Nabi Isa merasa (serta mengetahui dengan yakin) akan kekufuran dari mereka (kaum Yahudi), berkatalah ia:" Siapakah penolong-penolongku (dalam perjalananku) kepada Allah (dengan menegakkan ugamaNya)?". Orang-orang "Hawariyyuun" (Penyokong-penyokong Nabi Isa) berkata: "Kamilah penolong-penolong (utusan) Allah. Kami telah beriman kepada Allah, dan saksikanlah (wahai Nabi Allah) sesungguhnya kami ialah orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah)* [Ali-'Imran: 52]

10) Nabi Muhammad SAW adalah orang pertama Islam dikalangan umatnya

Nabi Muhammad SAW menyatakan bahawa Baginda merupakan orang Islam pertama dari kalangan umatnya sebagaimana dirakamkan Allah SWT dalam firmanNya:

قُلۡ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحۡيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ١٦٢ لَا شَرِيكَ لَهُۥۖ وَبِذَٰلِكَ أُمِرۡتُ وَأَنَا۠ أَوَّلُ ٱلۡمُسۡلِمِينَ ١٦٣


Maksudnya: *Katakanlah (Wahai Rasulullah): "Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam (162) Tiada sekutu bagiNya, dan dengan yang demikian sahaja aku diperintahkan, dan aku (di antara seluruh umatku) adalah orang Islam yang awal pertama - (yang berserah diri kepada Allah dan mematuhi perintahNya)"* [al-An'am: 162-163]

وَجَّهْتُ وَجْهِيَ لِلَّذِي فَطَرَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ حَنِيفًا، وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ، إِنَّ صَلَاتِي، وَنُسُكِي، وَمَحْيَايَ، وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، لَا شَرِيكَ لَهُ، وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، اللهُمَّ أَنْتَ الْمَلِكُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ أَنْتَ رَبِّي، وَأَنَا عَبْدُكَ، ظَلَمْتُ نَفْسِي، وَاعْتَرَفْتُ بِذَنْبِي، فَاغْفِرْ لِي ذُنُوبِي جَمِيعًا، إِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ، وَاهْدِنِي لِأَحْسَنِ الْأَخْلَاقِ لَا يَهْدِي لِأَحْسَنِهَا إِلَّا أَنْتَ، وَاصْرِفْ عَنِّي سَيِّئَهَا لَا يَصْرِفُ عَنِّي سَيِّئَهَا إِلَّا أَنْتَ، لَبَّيْكَ وَسَعْدَيْكَ وَالْخَيْرُ كُلُّهُ فِي يَدَيْكَ، وَالشَّرُّ لَيْسَ إِلَيْكَ، أَنَا بِكَ وَإِلَيْكَ، تَبَارَكْتَ وَتَعَالَيْتَ، أَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوبُ إِلَيْكَ

Maksudnya:

"Aku menghadap wajahku kepada Allah yang telah mencipta langit dan bumi, dengan memegang agama yang lurus dan aku tidak tergolong orang-orang yang musyrik. ***Sesungguhnya solatku, ibadahku dan hidupku serta matiku adalah untuk Allah, Rabb sekalian alam, tiada sekutu bagi-Nya, dan kerana itulah, aku diperintah dan aku termasuk orang-orang muslim.*** *Wahai Allah, Engkau adalah Raja, tiada yang berhak diabdikan diri kepadanya kecuali Engkau, Engkau Rabb-ku dan aku adalah hamba- Mu. Aku telah menganiaya diriku, aku mengakui dosaku (yang telah kulakukan). Oleh kerana itu ampunilah seluruh dosaku, sesungguhnya tidak akan ada yang mengampuni dosa-dosa, kecuali Engkau. Dan tunjukilah kepadaku akan akhlak yang terbaik, tidak akan menunjukkan kepadanya kecuali Engkau. Hindarkan aku dari akhlak yang jahat, tidak akan ada yang berupaya menjauhkan aku daripadanya, kecuali Engkau. Aku penuhi panggilan-Mu dengan kegembiraan, seluruh kebaikan di kedua tanganMu, kejahatan tidak dinisbahkan kepada-Mu. Aku bersama-Mu dan menyerah diri kepada-Mu. Maha Suci Engkau dan Maha Tinggi. Aku memohon keampunan kepada-Mu dan aku bertaubat kepadamu."* (HR Muslim)

MINGGU 7



3.10 Pemimpin dan rakyat akan bersama di dunia dan akhirat



Hubungan pemimpin dan pengikut tidak terhenti setakat di dunia sahaja. Bahkan pemimpin dan pengikut akan berada bersama-sama di akhirat nanti.

1) Pemimpin Islam akan membawa pengikut mereka ke syurga

Pemimpin yang membawa rakyat mengikut Islam untuk mencapai reda Allah dan ditaati oleh para pengikutnya akan dihimpun bersama di akhirat serta dimasukkan ke dalam syurga kecuali orang yang tidak mahu. Sabda Rasulullah SAW:

" كُلُّ أُمَّتِي يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ، إِلاَّ مَنْ أَبَى ". قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَنْ يَأْبَى قَالَ " مَنْ أَطَاعَنِي دَخَلَ الْجَنَّةَ، وَمَنْ عَصَانِي فَقَدْ أَبَى ".

Maksudnya: *"Setiap umatku akan masuk syurga kecuali orang yang enggan." Para sahabat bertanya, "Wahai Rasulullah, siapakah yang enggan?" Nabi menjawab: "Sesiapa yang taat kepadaku akan masuk syurga dan siapa yang menderhakaiku dialah orang yang enggan."* (Riwayat Bukhari)

Sesiapa yang mentaati Allah dan rasulNya akan dimasukkan ke syurga serta akan bersama dengan orang yang disukai dan dicintainya. Firman Allah SWT:

وَمَن يُطِعِ ٱللَّهَ وَٱلرَّسُولَ فَأُوْلَٰٓئِكَ مَعَ ٱلَّذِينَ أَنۡعَمَ ٱللَّهُ عَلَيۡهِم مِّنَ ٱلنَّبِيِّـۧنَ وَٱلصِّدِّيقِينَ وَٱلشُّهَدَآءِ وَٱلصَّٰلِحِينَۚ وَحَسُنَ أُوْلَٰٓئِكَ رَفِيقٗا ٦٩

Maksudnya: *Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya, maka mereka akan (ditempatkan di syurga) bersama-sama orang-orang yang telah dikurniakan nikmat oleh Allah kepada mereka, iaitu Nabi-nabi, dan orang-orang Siddiqiin, dan orang-orang yang Syahid, serta orang-orang yang soleh. Dan amatlah eloknya mereka itu menjadi teman rakan (kepada orang-orang yang taat).* [al-Nisa': 69] [5]

Ayat ini adalah sebagai penjelasan kepada doa yang selalu dibaca dalam setiap rakaat solat iaitu ayat ketujuh di dalam surah al-Fatihah:

صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ ٧

Maksudnya: *laitu **jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka,** bukan (jalan) orang-orang yang Engkau telah murkai, dan bukan pula (jalan) orang-orang yang sesat* [al-Fatihah: 7]

[5] ***Asbab al-Nuzul*** (sebab diturunkan ayat); diriwayatkan oleh al-Tabrani dan Ibn Marduwaih dengan sanad yang bersumber daripada 'Aisyah bahawa seorang lelaki menghadap Nabi SAW dan berkata: "Ya Rasulullah! Aku mencintai kamu lebih daripada cinta kepada diriku dan anakku sendiri. Dan jika aku sedang di rumah, aku selalu mengingati kamu dan tidak sabar ingin segera bertemu dengan kamu. Dan jika aku teringatkan tentang ajalku dan ajal kamu, aku yakin bahwa kamu akan diangkat bersama para nabi di syurga. Apabila kamu masuk syurga, aku takut kalau-kalau tidak dapat bertemu dengan kamu". Maka Nabi SAW terdiam tidak menjawab sedikit pun sehingga turun Jibril AS dengan membawa ayat ini (al-Nisa` ayat 69) sebagai janji Allah kepada orang yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya.

Diriwayatkan oleh Ibn Abi Hatim yang bersumber daripada Masruq bahawa para sahabat Rasul SAW pernah berkata: "Ya Rasulullah!, kami tidak mahu berpisah dengan kamu, tetapi di akhirat nanti kamu akan diangkat beserta nabi-nabi lainnya yang lebih tinggi darjatnya dari kami, sehingga kami tidak dapat bertemu dengan kamu". Maka turunlah ayat ini (al-Nisa` ayat 69) sebagai janji Allah bahawa mereka akan digolongkan dalam kalangan orang-orang yang diberi nikmat oleh Allah SWT. Diriwayatkan oleh Ibn Abi Hatim yang bersumber dari 'Ikrimah. Diriwayatkan pula oleh Ibnu Jarir yang bersumber dari Sa'id bin Jubair, Masruq, al-Rabi' Qatadah, al-Suddi bahawa seorang pemuda menghadap Nabi SAW dan berkata: "Ya Nabiyullah, kami dapat bertemu dengan kamu di dunia ini, dan di akhirat nanti kami tidak dapat bertemu kerana kamu berada di darjat yang tertinggi di syurga". Maka Allah menurunkan ayat ini (al-Nisa` ayat 69). Kemudian Rasulullah SAW bersabda: "Engkau bersamaku di syurga, In Shaa Allah".

Hal ini disusuli pula sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، قَالَ جَاءَ رَجُلٌ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَتَى السَّاعَةُ قَالَ " وَمَا أَعْدَدْتَ لِلسَّاعَةِ " . قَالَ حُبَّ اللَّهِ وَرَسُولِهِ قَالَ " فَإِنَّكَ مَعَ مَنْ أَحْبَبْتَ " . قَالَ أَنَسٌ فَمَا فَرِحْنَا بَعْدَ الإِسْلاَمِ فَرَحًا أَشَدَّ مِنْ قَوْلِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم " فَإِنَّكَ مَعَ مَنْ أَحْبَبْتَ " . قَالَ أَنَسٌ فَأَنَا أُحِبُّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَأَبَا بَكْرٍ وَعُمَرَ فَأَرْجُو أَنْ أَكُونَ مَعَهُمْ وَإِنْ لَمْ أَعْمَلْ بِأَعْمَالِهِمْ.

Maksudnya: *Daripada Anas bin Malik berkata, datang seorang lelaki berjumpa Rasulullah SAW, lalu dia bertanya "Ya Rasulullah, bilakah berlakunya kiamat?", Baginda bertanya kepadanya "Apa persiapan yang telah kamu buat untuk Hari Kiamat?". Dia berkata: "Mencintai Allah dan Rasul-Nya (adalah satu-satunya persiapan saya)". Setelah itu Baginda SAW berkata: "Kamu akan bersama dengan orang yang kamu cintai". Anas berkata: "Tidak ada yang lebih menggembirakan kami setelah menerima Islam daripada kata-kata Rasulullah: Anda akan bersama dengan orang yang anda cintai".Dan Anas berkata. "Saya mengasihi Allah dan Rasul-Nya, Abu Bakar dan Umar, dan saya berharap bahawa saya akan bersama mereka walaupun saya tidak bersikap seperti mereka."* (Riwayat Muslim)

Pada hari akhirat kelak, setiap manusia akan dipanggil di hadapan Allah SWT bersama pemimpin mereka. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَى كَثِيرٍ مِمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا ﴿٧٠﴾ **يَوْمَ نَدْعُو كُلَّ أُنَاسٍ بِإِمَامِهِمْ** فَمَنْ أُوتِيَ كِتَابَهُ بِيَمِينِهِ فَأُولَئِكَ يَقْرَءُونَ كِتَابَهُمْ وَلَا يُظْلَمُونَ فَتِيلًا ﴿٧١﴾ وَمَنْ كَانَ فِي هَذِهِ أَعْمَى فَهُوَ فِي الْآخِرَةِ أَعْمَى وَأَضَلُّ سَبِيلًا ﴿٧٢﴾

Maksudnya: *Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan(70)* ***(Ingatlah) hari Kami menyeru tiap-tiap kumpulan manusia dengan nama imamnya****; kemudian sesiapa diberikan Kitabnya di tangan kanannya, maka mereka itu akan membacanya (dengan sukacita), dan mereka tidak dikurangkan (pahala amal-amalnya yang baik) sedikitpun(71) Dan (sebaliknya) sesiapa yang berada di dunia ini (dalam keadaan) buta (matahatinya), maka ia juga buta di akhirat dan lebih sesat lagi jalannya(72) [Al-Isra': 70-72]*

2) Pemimpin yang kufur akan membawa pengikut mereka ke neraka

Allah SWT menceritakan perihal Nabi Musa AS yang diutus untuk menyampaikan Islam kepada Firaun dan kaumnya. Namun Firaun dan kaumnya tidak menerima dakwah

tersebut malah memerangi Nabi Musa AS. Firaun dan para pengikutnya yang setia dimasukkan ke neraka kerana kekufuran mereka. Hal ini diterangkan oleh Allah dalam firmanNya:

وَلَقَدۡ أَرۡسَلۡنَا مُوسَىٰ بِـَٔايَٰتِنَا وَسُلۡطَٰنٖ مُّبِينٍ ٩٦ إِلَىٰ فِرۡعَوۡنَ وَمَلَإِۦهِ فَٱتَّبَعُوٓاْ أَمۡرَ فِرۡعَوۡنَۖ وَمَآ أَمۡرُ فِرۡعَوۡنَ بِرَشِيدٖ ٩٧ يَقۡدُمُ قَوۡمَهُۥ يَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِ فَأَوۡرَدَهُمُ ٱلنَّارَۖ وَبِئۡسَ ٱلۡوِرۡدُ ٱلۡمَوۡرُودُ ٩٨ وَأُتۡبِعُواْ فِي هَٰذِهِۦ لَعۡنَةٗ وَيَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِۚ بِئۡسَ ٱلرِّفۡدُ ٱلۡمَرۡفُودُ ٩٩

Maksudnya: *Dan sesungguhnya kami telah mengutuskan Nabi Musa dengan membawa ayat-ayat keterangan Kami, dan bukti (mukjizat) yang nyata:(96) Kepada Firaun dan kaumnya; lalu kaum Firaun menurut perintah Firaun, sedang perintahnya itu bukanlah perintah yang betul(97) Firaun akan mengetuai kaumnya pada hari kiamat kemudian tetaplah ia akan membawa mereka masuk ke neraka. Dan seburuk-buruk tempat yang dimasuki ialah neraka(98) Dan mereka diiringi oleh laknat yang tidak putus-putus didunia ini, dan pada hari kiamat. (Sebenarnya) laknat itu adalah seburuk-buruk pemberian yang diberikan(99)* [Hud: 96-99]

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa pemimpin dan para pengikutnya yang setia akan sentiasa bersama-sama dari dunia sehingga akhirat.

3) Penyesalan kerana tidak mengikut Islam

Pemimpin dan pengikut setia mereka yang dimasukkan ke dalam neraka akan menyesal kerana tidak mengikut Islam yang dibawa oleh para nabi dan rasul. Firman Allah:

وَيَوۡمَ يَعَضُّ ٱلظَّالِمُ عَلَىٰ يَدَيۡهِ يَقُولُ يَٰلَيۡتَنِي ٱتَّخَذۡتُ مَعَ ٱلرَّسُولِ سَبِيلٗا ٢٧ يَٰوَيۡلَتَىٰ لَيۡتَنِي لَمۡ أَتَّخِذۡ فُلَانًا خَلِيلٗا ٢٨ لَّقَدۡ أَضَلَّنِي عَنِ ٱلذِّكۡرِ بَعۡدَ إِذۡ جَآءَنِيۗ وَكَانَ ٱلشَّيۡطَٰنُ لِلۡإِنسَٰنِ خَذُولٗا ٢٩

Maksudnya: *Dan (ingatkanlah) perihal hari orang-orang yang zalim menggigit kedua-dua tangannya (marahkan dirinya sendiri) sambil berkata: "Alangkah baiknya kalau aku (di dunia dahulu) mengambil jalan yang benar bersama-sama Rasul?(27) "Wahai celakanya aku, alangkah baiknya kalau aku tidak mengambil si dia itu menjadi sahabat karib!(28) "Sesungguhnya dia telah menyesatkan daku dari jalan peringatan (Al-Quran) setelah ia disampaikan kepadaku. Dan adalah Syaitan itu sentiasa mengecewakan manusia (yang menjadikan dia sahabat karibnya)"(29)* [al-Furqan: 27-29]

Allah SWT memperincikan lagi penyesalan mereka kerana tidak menerima Islam dan mentaati pemimpin mereka yang membawa kepada kekufuran. Firman Allah:

يَوْمَ تُقَلَّبُ وُجُوهُهُمْ فِي ٱلنَّارِ يَقُولُونَ يَٰلَيْتَنَآ أَطَعْنَا ٱللَّهَ وَأَطَعْنَا ٱلرَّسُولَا۠ ﴿٦٦﴾ وَقَالُوا۟ رَبَّنَآ إِنَّآ أَطَعْنَا سَادَتَنَا وَكُبَرَآءَنَا فَأَضَلُّونَا ٱلسَّبِيلَا۠ ﴿٦٧﴾ رَبَّنَآ ءَاتِهِمْ ضِعْفَيْنِ مِنَ ٱلْعَذَابِ وَٱلْعَنْهُمْ لَعْنًا كَبِيرًا ﴿٦٨﴾

Maksudnya: *Pada masa muka mereka dibalik-balikkan dalam neraka, mereka berkata (dengan sesalnya): "Alangkah baiknya kalau kami dahulu (semasa di dunia) taat kepada Allah serta taat kepada Rasul Allah(66) Dan mereka berkata lagi: "Wahai Tuhan kami, sesungguhnya kami telah mematuhi kehendak ketua-ketua dan orang-orang besar kami, lalu mereka menyesatkan kami dari jalan yang benar(67) "Wahai Tuhan kami, berilah mereka azab sengsara dua kali ganda, dan laknatkanlah mereka dengan laknat yang sebesar-besarnya!"(68)* [al-Ahzab: 66-68]

4) Pemimpin dan pengikut saling menyalahkan antara satu sama lain

Apabila dimasukkan ke dalam neraka, pemimpin dan pengikut saling menyalahkan antara satu sama lain. Para pengikut meminta pemimpin untuk melepaskan mereka daripada azab neraka. Namun, para pemimpin tidak dapat berbuat apa-apa bahkan tidak mampu melepaskan diri mereka sendiri. Firman Allah SWT:

وَإِذْ يَتَحَآجُّونَ فِي ٱلنَّارِ فَيَقُولُ ٱلضُّعَفَٰٓؤُا۟ لِلَّذِينَ ٱسْتَكْبَرُوٓا۟ إِنَّا كُنَّا لَكُمْ تَبَعًا فَهَلْ أَنتُم مُّغْنُونَ عَنَّا نَصِيبًا مِّنَ ٱلنَّارِ ﴿٤٧﴾ قَالَ ٱلَّذِينَ ٱسْتَكْبَرُوٓا۟ إِنَّا كُلٌّ فِيهَآ إِنَّ ٱللَّهَ قَدْ حَكَمَ بَيْنَ ٱلْعِبَادِ ﴿٤٨﴾

Maksudnya: *Dan (ingatkanlah perkara yang berlaku) semasa orang-orang yang kafir dan yang menderhaka berbantah-bantahan dalam neraka, iaitu orang-orang yang lemah (yang menjadi pengikut) berkata kepada pemimpin-pemimpinnya yang sombong takbur: "Sesungguhnya kami telah menjadi pengikut-pengikut kamu, maka dapatkah kamu menolak dari kami sebahagian daripada azab neraka ini?"(47) Orang-orang yang sombong angkuh itu menjawab: "Sebenarnya kita semua menderita bersama-sama dalam neraka (tidak ada jalan untuk kita melepaskan diri), kerana sesungguhnya Allah telah menetapkan hukumanNya di antara sekalian hambaNya" (48)* [Ghafir: 47-48]

Keadaan yang sama juga digambarkan dalam firman Allah SWT:

وَبَرَزُوا۟ لِلَّهِ جَمِيعًا فَقَالَ ٱلضُّعَفَٰٓؤُا۟ لِلَّذِينَ ٱسْتَكْبَرُوٓا۟ إِنَّا كُنَّا لَكُمْ تَبَعًا فَهَلْ أَنتُم مُّغْنُونَ عَنَّا مِنْ عَذَابِ ٱللَّهِ مِن شَىْءٍ ۚ قَالُوا۟ لَوْ هَدَىٰنَا ٱللَّهُ لَهَدَيْنَٰكُمْ ۖ سَوَآءٌ عَلَيْنَآ أَجَزِعْنَآ أَمْ صَبَرْنَا مَا لَنَا مِن مَّحِيصٍ ﴿٢١﴾

Maksudnya: *Dan mereka sekalian tetap akan berhimpun mengadap Allah (untuk dihisab pada hari kiamat); kemudian orang-orang yang lemah (yang menjadi pengikut) kepada orang-orang yang sombong takbur itu akan berkata kepada mereka (yang menjadi pemimpinnya): "Sesungguhnya kami telah menjadi pengikut kamu;*

maka adakah kamu dapat menolak daripada kami sedikit dari azab Allah?"Mereka menjawab: "Kalaulah Allah menunjukkan jalan selamat kepada kami, tentulah kami tunjukkan jalan itu kepada kamu. (Sekarang) sama sahaja kepada kita, sama ada kita menggelisah dan mengeluh atau kita bersabar, tiadalah sebarang jalan bagi kita untuk melepaskan diri (dari azab itu)" [Ibrahim: 21]

Para pengikut telah menyalahkan pemimpin kerana telah menyesatkan mereka. Namun, para pemimpin telah menempelak kembali para pengikut tersebut. Firman Allah:

وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ لَن نُّؤۡمِنَ بِهَٰذَا ٱلۡقُرۡءَانِ وَلَا بِٱلَّذِي بَيۡنَ يَدَيۡهِۗ وَلَوۡ تَرَىٰٓ إِذِ ٱلظَّٰلِمُونَ مَوۡقُوفُونَ عِندَ رَبِّهِمۡ يَرۡجِعُ بَعۡضُهُمۡ إِلَىٰ بَعۡضٍ ٱلۡقَوۡلَ يَقُولُ ٱلَّذِينَ ٱسۡتُضۡعِفُواْ لِلَّذِينَ ٱسۡتَكۡبَرُواْ لَوۡلَآ أَنتُمۡ لَكُنَّا مُؤۡمِنِينَ ٣١ قَالَ ٱلَّذِينَ ٱسۡتَكۡبَرُواْ لِلَّذِينَ ٱسۡتُضۡعِفُوٓاْ أَنَحۡنُ صَدَدۡنَٰكُمۡ عَنِ ٱلۡهُدَىٰ بَعۡدَ إِذۡ جَآءَكُم بَلۡ كُنتُم مُّجۡرِمِينَ ٣٢ وَقَالَ ٱلَّذِينَ ٱسۡتُضۡعِفُواْ لِلَّذِينَ ٱسۡتَكۡبَرُواْ بَلۡ مَكۡرُ ٱلَّيۡلِ وَٱلنَّهَارِ إِذۡ تَأۡمُرُونَنَآ أَن نَّكۡفُرَ بِٱللَّهِ وَنَجۡعَلَ لَهُۥٓ أَندَادٗاۚ وَأَسَرُّواْ ٱلنَّدَامَةَ لَمَّا رَأَوُاْ ٱلۡعَذَابَۚ وَجَعَلۡنَا ٱلۡأَغۡلَٰلَ فِيٓ أَعۡنَاقِ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْۖ هَلۡ يُجۡزَوۡنَ إِلَّا مَا كَانُواْ يَعۡمَلُونَ ٣٣

Maksudnya: *"Dan orang-orang yang kafir berkata: Kami tidak akan beriman sama sekali kepada Al-Quran ini dan tidak juga kepada Kitab-kitab ugama yang terdahulu daripadanya". Dan (sungguh ngeri) kalau engkau melihat ketika orang-orang yang zalim itu dibawa berdiri di hadapan Tuhan mereka (untuk dihisab), masing-masing tuduh menuduh antara satu dengan yang lain. Orang-orang yang tertindas berkata kepada orang-orang yang sombong takbur (yang menjadi ketuanya): "Kalaulah tidak kerana kamu (menindas dan memperdayakan kami), tentulah kami sudah menjadi orang yang beriman"(31) Orang-orang yang sombong takbur itu menjawab kepada orang-orang yang tertindas: Kamikah yang telah menghalang kamu daripada menerima hidayah petunjuk sesudah ia datang kepada kamu? (Bukan kami yang menghalang) bahkan kamulah yang menyebabkan diri sendiri menjadi orang-orang yang berdosa"(32) Dan berkata pula orang-orang yang tertindas kepada orang-orang yang sombong takbur itu: "Tidak! Bahkan (yang menghalang kami daripada beriman ialah) perbuatan kamu memperdaya kami malam dan siang, ketika kamu menyuruh kami berlaku kufur kepada Allah dan mengadakan sekutu-sekutu bagiNya. Akhirnya masing-masing diam sambil memendamkan perasaan sesal dan kecewa semasa mereka melihat azab; dan Kami pasangkan belenggu-belenggu pada leher orang-orang yang kafir itu. Mereka tidak dibalas melainkan dengan apa yang mereka telah kerjakan(33)* [Saba`: 31-33]

Para pengikut yang menyesal atas perbuatan mereka tersebut memohon kepada Allah supaya menggandakan azab kepada para pemimpin yang menyesatkan mereka dengan berlipat kali ganda. Firman Allah SWT:

قَالَ ٱدۡخُلُواْ فِيٓ أُمَمٖ قَدۡ خَلَتۡ مِن قَبۡلِكُم مِّنَ ٱلۡجِنِّ وَٱلۡإِنسِ فِي ٱلنَّارِۖ كُلَّمَا دَخَلَتۡ أُمَّةٞ لَّعَنَتۡ أُخۡتَهَاۖ حَتَّىٰٓ إِذَا ٱدَّارَكُواْ فِيهَا جَمِيعٗا قَالَتۡ أُخۡرَىٰهُمۡ لِأُولَىٰهُمۡ رَبَّنَا هَٰٓؤُلَآءِ أَضَلُّونَا فَـَٔاتِهِمۡ عَذَابٗا ضِعۡفٗا مِّنَ ٱلنَّارِۖ

قَالَ لِكُلٍّ ضِعۡفٞ وَلَٰكِن لَّا تَعۡلَمُونَ ٣٨ وَقَالَتۡ أُولَىٰهُمۡ لِأُخۡرَىٰهُمۡ فَمَا كَانَ لَكُمۡ عَلَيۡنَا مِن فَضۡلٖ فَذُوقُواْ ٱلۡعَذَابَ بِمَا كُنتُمۡ تَكۡسِبُونَ ٣٩

Maksudnya: *Allah berfirman: "Masuklah kamu ke dalam neraka bersama-sama umat-umat yang terdahulu daripada kamu, dari jin dan manusia. Tiap-tiap satu umat yang masuk, mengutuk akan saudaranya (golongannya sendiri); hingga apabila mereka semua berhimpun di dalamnya, berkatalah golongan yang akhir mengenai golongan yang pertama di antara mereka: "Wahai Tuhan kami, mereka inilah yang telah menyesatkan kami; oleh itu berilah kepada mereka azab seksa yang berlipat ganda dari (azab) neraka". Allah berfirman: "Kamu masing-masing disediakan (azab seksa) yang berlipat ganda tetapi kamu tidak mengetahui"(38) Dan berkatalah golongan pertama (ketua-ketua), di antara mereka, kepada golongan yang akhir (pengikut-pengikutnya): "(Jika demikianlah hukuman Tuhan), maka tidak ada bagi kamu sebarang kelebihan atas kami". (Allah berfirman): "Oleh itu rasalah kamu azab seksa disebabkan apa yang kamu telah usahakan".(39)* [al-A'raf: 38-39]

Penyesalan tersebut membuatkan mereka memohon untuk kembali ke dunia agar dapat melepaskan diri dan membetulkan kesilapan memilih dan menyokong pemimpin yang membawa mereka kepada kesesatan. Firman Allah SWT:

إِذۡ تَبَرَّأَ ٱلَّذِينَ ٱتُّبِعُواْ مِنَ ٱلَّذِينَ ٱتَّبَعُواْ وَرَأَوُاْ ٱلۡعَذَابَ وَتَقَطَّعَتۡ بِهِمُ ٱلۡأَسۡبَابُ ١٦٦ وَقَالَ ٱلَّذِينَ ٱتَّبَعُواْ لَوۡ أَنَّ لَنَا كَرَّةٗ فَنَتَبَرَّأَ مِنۡهُمۡ كَمَا تَبَرَّءُواْ مِنَّاۗ كَذَٰلِكَ يُرِيهِمُ ٱللَّهُ أَعۡمَٰلَهُمۡ حَسَرَٰتٍ عَلَيۡهِمۡۖ وَمَا هُم بِخَٰرِجِينَ مِنَ ٱلنَّارِ ١٦٧

Maksudnya: *(Iaitu) ketika ketua-ketua yang menjadi ikutan itu berlepas diri dari orang-orang yang mengikutnya, sedang kedua-dua pihak melihat betapa ngerinya azab seksa itu, dan (ketika) terputusnya segala hubungan di antara mereka(166) Dan (pada masa yang mengecewakan itu) berkatalah orang-orang yang menjadi pengikut: Alangkah eloknya kalau kami (dengan itu dapat kami berlepas diri daripada mereka sebagaimana mereka berlepas diri daripada kami (pada saat ini)!" Demikianlah Allah perlihatkan kepada mereka amal-amal mereka (dengan rupa yang mendatangkan) penyesalan yang amat sangat kepada mereka, dan mereka pula tidak akan dapat keluar dari neraka (167)* [al-Baqarah: 166-167]

Para pengikut dan mereka yang menyesal kerana dimasukkan ke dalam neraka akan sanggup menebus atau menukar segala yang dimilikinya untuk membebaskan diri daripada azab seksa. Firman Allah SWT:

يُبَصَّرُونَهُمْ يَوَدُّ الْمُجْرِمُ لَوْ يَفْتَدِي مِنْ عَذَابِ يَوْمِئِذٍ بِبَنِيهِ ١١ وَصَاحِبَتِهِ وَأَخِيهِ ١٢ وَفَصِيلَتِهِ الَّتِي تُؤْوِيهِ ١٣ وَمَنْ فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا ثُمَّ يُنْجِيهِ ١٤

Maksudnya: *Padahal masing-masing diberi melihat setengahnya yang lain; (pada saat yang demikian) orang yang kafir suka (sangat berkehendak) kiranya dapat menebus dirinya dari azab itu dengan anak-anaknya sendiri(11) Dan isteri serta saudaranya(12) Dan kaum kerabatnya yang melindunginya(13) Dan juga sekalian makhluk yang ada di bumi - kemudian (diharapkannya) tebusan itu dapat menyelamatkannya(14)* [Al-Ma'arij: 11-14]

Begitu juga dengan firman Allah SWT:

وَلَوْ أَنَّ لِلَّذِينَ ظَلَمُوا مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا وَمِثْلَهُ مَعَهُ لَافْتَدَوْا بِهِ مِنْ سُوءِ الْعَذَابِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَبَدَا لَهُمْ مِنَ اللَّهِ مَا لَمْ يَكُونُوا يَحْتَسِبُونَ﴿٤٧﴾

Maksudnya: *Dan sekiranya orang-orang zalim itu mempunyai segala apa jua yang ada di bumi, disertai sebanyak itu lagi, tentulah mereka rela menebus diri mereka dengannya daripada azab seksa yang buruk pada hari kiamat, setelah jelas nyata kepada mereka dari (hukum) Allah, azab yang mereka tidak pernah fikirkan* [al-Zumar: 47]

Hal ini juga diceritakan dalam firman Allah:

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا وَمَاتُوا وَهُمْ كُفَّارٌ فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْ أَحَدِهِمْ مِلْءُ الْأَرْضِ ذَهَبًا وَلَوِ افْتَدَى بِهِ أُولَئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ وَمَا لَهُمْ مِنْ نَاصِرِينَ﴿٩١﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya orang-orang yang kafir, lalu mati sedang mereka tetap kafir, maka tidak sekali-kali akan diterima dari seseorang di antara mereka: emas sepenuh bumi, walaupun ia menebus dirinya dengan (emas yang sebanyak) itu. Mereka itu akan mendapat azab seksa yang tidak terperi sakitnya, dan mereka pula tidak akan beroleh seorang penolong pun.* [Ali-'Imran: 91]


5) Kembali kepada Allah

Allah SWT menyeru hamba-hambaNya yang melakukan maksiat agar segera bertaubat dan kembali kepada jalanNya agar tidak menyesal di akhirat nanti. Allah SWT memberikan amaran dengan azab yang keras agar hambaNya tidak lagi mengungkapkan ayat-ayat penyesalan yang tidak lagi berguna. Bahkan Allah SWT menempelak penyesalan-penyesalan tersebut kerana Rasulullah SAW telah diutuskan untuk menyampaikan segalanya namun manusia tetap sombong dan mendustakan ayat-ayatNya. Firman Allah SWT:

۞قُلۡ يَٰعِبَادِيَ ٱلَّذِينَ أَسۡرَفُواْ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمۡ لَا تَقۡنَطُواْ مِن رَّحۡمَةِ ٱللَّهِۚ إِنَّ ٱللَّهَ يَغۡفِرُ ٱلذُّنُوبَ جَمِيعًاۚ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلۡغَفُورُ ٱلرَّحِيمُ ٥٣ وَأَنِيبُوٓاْ إِلَىٰ رَبِّكُمۡ وَأَسۡلِمُواْ لَهُۥ مِن قَبۡلِ أَن يَأۡتِيَكُمُ ٱلۡعَذَابُ ثُمَّ لَا تُنصَرُونَ ٥٤ وَٱتَّبِعُوٓاْ أَحۡسَنَ مَآ أُنزِلَ إِلَيۡكُم مِّن رَّبِّكُم مِّن قَبۡلِ أَن يَأۡتِيَكُمُ ٱلۡعَذَابُ بَغۡتَةٗ وَأَنتُمۡ لَا تَشۡعُرُونَ ٥٥ أَن تَقُولَ نَفۡسٞ يَٰحَسۡرَتَىٰ عَلَىٰ مَا فَرَّطتُ فِي جَنۢبِ ٱللَّهِ وَإِن كُنتُ لَمِنَ ٱلسَّٰخِرِينَ ٥٦ أَوۡ تَقُولَ لَوۡ أَنَّ ٱللَّهَ هَدَىٰنِي لَكُنتُ مِنَ ٱلۡمُتَّقِينَ ٥٧ أَوۡ تَقُولَ حِينَ تَرَى ٱلۡعَذَابَ لَوۡ أَنَّ لِي كَرَّةٗ فَأَكُونَ مِنَ ٱلۡمُحۡسِنِينَ ٥٨ بَلَىٰ قَدۡ جَآءَتۡكَ ءَايَٰتِي فَكَذَّبۡتَ بِهَا وَٱسۡتَكۡبَرۡتَ وَكُنتَ مِنَ ٱلۡكَٰفِرِينَ ٥٩

Maksudnya: *“Katakanlah (wahai Rasulullah): "Wahai hamba-hambaKu yang telah melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan-perbuatan maksiat), janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah, kerana sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa; sesungguhnya Dia lah jua Yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani(53) "Dan kembalilah kamu kepada Tuhan kamu dengan bertaubat, serta berserah bulat-bulat kepadaNya, sebelum kamu didatangi azab; kerana sesudah itu kamu tidak akan diberikan pertolongan(54). "Dan turutlah - Al-Quran - sebaik-baik. (panduan hidup) yang diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu, sebelum kamu didatangi azab secara mengejut, sedang kamu tidak menyedarinya(55). "(Diperintahkan demikian) supaya jangan seseorang (menyesal dengan) berkata: ` sungguh besar sesal dan kecewaku kerana aku telah mencuaikan kewajipan-kewajipanku terhadap Allah serta aku telah menjadi dari orang-orang yang sungguh memperolok-olokkan (ugama Allah dan penganut-penganutnya)!(56). "Atau berkata: ` Kalaulah Allah memberi hidayah petunjuk kepadaku, tentulah aku telah menjadi dari orang-orang yang bertaqwa ! '(57). "Atau berkata semasa ia melihat azab: Kalaulah aku dapat kembali ke dunia, nescaya menjadilah aku dari orang-orang yang mengerjakan kebaikan!"(58). (Kata-kata yang tersebut ditolak oleh Allah dengan firmanNya) : "Bahkan telahpun datang kepadamu ayat-ayat petunjukKu (melalui RasulKu), maka engkau telah mendustakannya serta engkau berlaku sombong angkuh mengenainya, dan engkau telah menjadikan dirimu dari orang-orang yang kufur ingkar!"(59)* [al-Zumar: 53-59]

MINGGU 8



4.0 Ciri - Ciri Islam

Islam mempunyai beberapa ciri unggul yang membezakannya daripada ajaran-ajaran lain. Ciri-ciri dan keistimewaan Islam ini dapat dirumuskan seperti berikut:



4.1 Ketuhanan / *al-Rabbaniyyah* - الْرَبَّانِيَّة

Islam merupakan agama yang datang daripada Allah SWT. Segala hukum, konsep, nilai dan peraturan yang terdapat di dalam Islam adalah ditetapkan dan diwahyukan oleh Allah SWT. Ia bukanlah hasil pemikiran dan ciptaan manusia. Peranan manusia adalah untuk memahami, memperkembangkan dan melaksanakannya dalam kehidupan. Maka oleh itu sumber rujukan tertinggi dalam Islam adalah al-Quran dan al-Sunnah Nabi Muhammad SAW. Allah SWT telah menjelaskan perkara ini melalui firmanNya:

مَا كَانَ لِبَشَرٍ أَن يُؤْتِيَهُ ٱللَّهُ ٱلْكِتَٰبَ وَٱلْحُكْمَ وَٱلنُّبُوَّةَ ثُمَّ يَقُولَ لِلنَّاسِ كُونُوا۟ عِبَادًا لِّى مِن دُونِ ٱللَّهِ وَلَٰكِن **كُونُوا۟ رَبَّٰنِيِّۦنَ** بِمَا كُنتُمْ تُعَلِّمُونَ ٱلْكِتَٰبَ وَبِمَا كُنتُمْ تَدْرُسُونَ ﴿٧٩﴾

Maksudnya: *Tidaklah patut bagi seseorang manusia yang Allah berikan kepadanya Kitab ugama dan hikmat serta pangkat Nabi, kemudian ia tergamak mengatakan kepada orang ramai: "Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang menyembahku*

dengan meninggalkan perbuatan menyembah Allah". Tetapi (sepatutnya ia berkata): ***"Hendaklah kamu menjadi orang-orang Rabbaniyyin (yang hanya menyembah Allah Taala - dengan ilmu dan amal yang sempurna)****, kerana kamu sentiasa mengajarkan isi Kitab Allah itu, dan kerana kamu selalu mempelajarinya.* [Ali-'Imran: 79]

Definisi- Definisi Rabbaniyyah:

1. Imam Abu Ja'far al-Tabari

أن الرباني المنسوب الى الرَّبَّان: الذي يربَّ الناس، وهو الذي يصلح أمورهم ويربها، ويقوم بها

Maksudnya:
Perkataan Rabbani yang dinisbahkan kepada rabba merujuk kepada orang yang mendidik manusia; iaitu orang yang menambahbaik segala urusan mereka, mendidik dan membangunkannya. (Jami'ul Bayan)

2. Imam Ibn al-'Arabi

رباني عبارة عن الذي يرُبِّي الناس بصغار العلم قبل كباره، وكأنه يقتدي بالرب سبحانه وتعالى في تيسير الأمور المجملة

Maksudnya:
Rabbani ialah yang mendidik dengan ilmu yang mudah-mudah sebelum mendidik dengan sesuatu yang lebih susah atau sulit seolah-olah ia mengikut perintah Allah dalam memudahkan segala perkara. (Ahkam al-Quran)

3. Al-Tabarsi

كونوا ربانيين وفيه أقوال: ١) كونوا علماء فقهاء. ٢) علماء حكما. ٣) كونوا حكماء أتقياء. ٤) كونوا مدبر أمر الناس في الولاية بالإصلاح. ٥) كونوا معلمين للناس من علمكم.

Maksudnya:
Terdapat lima perkara mengenai pengertian Rabbaniyyin, iaitu para ahli dalam bidang hukum agama (fuqaha'), ahli agama sekaligus ahli hikmah, ahli hikmah yang bertaqwa kepada Allah, orang yang banyak memikirkan kemaslahatan masyarakat dan orang yang mengajar masyarakat. (Majma' al-Bayan fi al-Quran).

4. Syed Qutb

كونوا ربانيين؛ منتسبين إلى الرب، عبادا له وعبيدا، توجهوا إليه وحده بالعبادة، وخذوا عنه وحده منهج حياتكم.

Maksudnya:
Rabbani diertikan dengan menyakini kita sebagai hamba-Nya, Allah itu sebagai Rabb. Ini berasaskan kepada apa yang telah dipelajari dalam al-Quran dan menjadikannya sebagai manhaj kehidupan (Fi Zilal al-Quran).

5. Sa'id Hawwa

وهو الشديد التّمسك بدين الله، العلماء، والفقهاء، والحلماء. كونوا ربانيين بسب كونكم معلمين دارسين

Maksudnya:
Rabbani ialah orang yang berpegang teguh dengan agama Allah, seorang yang alim lagi bijaksana, bersikap penyantun, serta bersungguh-sungguh dalam melakukan ketaatan kepada Allah. Ianya lahir daripada ilmu yang dimiliki dan mengajarkannya kepada orang lain. (Al-Asas fi al-Tafsir).

6. HAMKA

"Orang yang rabbani, selama hidupnya belajar dan mengajar, mengajar dan belajar, sampai dia tahu rahsia mengapa dia diperintahkan." (Tafsir Al-Azhar)

Ciri-ciri utama Rabbaniyyah

1) **Bersumber daripada wahyu** – Segala hukum dan panduan hidup datang terus daripada Allah SWT melalui wahyu iaitu al-Quran dan Sunnah, bukan ciptaan akal manusia semata-mata. Firman Allah SWT:

﴿إِنَّ ٱلدِّينَ عِندَ ٱللَّهِ ٱلۡإِسۡلَٰمُۗ وَمَا ٱخۡتَلَفَ ٱلَّذِينَ أُوتُواْ ٱلۡكِتَٰبَ إِلَّا مِنۢ بَعۡدِ مَا جَآءَهُمُ ٱلۡعِلۡمُ بَغۡيَۢا بَيۡنَهُمۡۗ وَمَن يَكۡفُرۡ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ فَإِنَّ ٱللَّهَ سَرِيعُ ٱلۡحِسَابِ ١٩﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya ugama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam. Dan orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan Kitab itu tidak berselisih (mengenai ugama Islam dan enggan menerimanya) melainkan setelah sampai kepada mereka pengetahuan yang sah tentang kebenarannya; (perselisihan itu pula) semata-mata kerana hasad dengki yang ada dalam kalangan mereka. Dan (ingatlah), sesiapa yang*

kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah, maka sesungguhnya Allah Amat segera hitungan hisabNya [Al-i'Imran: 19]

﴿وَمَا يَنطِقُ عَنِ ٱلۡهَوَىٰٓ ۝٣ إِنۡ هُوَ إِلَّا وَحۡيٞ يُوحَىٰ ۝٤﴾

Maksudnya: *3. Dan ia (Rasulullah SAW) tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan ugama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. 4. Segala yang diperkatakannya itu (sama ada Al-Quran atau hadis) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya* [An-Najm: 3-4]

2) **Matlamat untuk mendekatkan diri kepada Allah** – Setiap ibadah dan perbuatan dalam Islam bertujuan mencari keredaan Allah. Firman Allah SWT:

﴿وَمَا خَلَقۡتُ ٱلۡجِنَّ وَٱلۡإِنسَ إِلَّا لِيَعۡبُدُونِ ۝٥٦﴾

Maksudnya: *Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu* [Az-Zariyat: 56]

3) **Menjaga kesucian ajaran Islam** –Islam bersifat tetap dan tidak berubah mengikut zaman atau tekanan manusia.Firman Allah SWT:

﴿حُرِّمَتۡ عَلَيۡكُمُ ٱلۡمَيۡتَةُ وَٱلدَّمُ وَلَحۡمُ ٱلۡخِنزِيرِ وَمَآ أُهِلَّ لِغَيۡرِ ٱللَّهِ بِهِۦ وَٱلۡمُنۡخَنِقَةُ وَٱلۡمَوۡقُوذَةُ وَٱلۡمُتَرَدِّيَةُ وَٱلنَّطِيحَةُ وَمَآ أَكَلَ ٱلسَّبُعُ إِلَّا مَا ذَكَّيۡتُمۡ وَمَا ذُبِحَ عَلَى ٱلنُّصُبِ وَأَن تَسۡتَقۡسِمُواْ بِٱلۡأَزۡلَٰمِۚ ذَٰلِكُمۡ فِسۡقٌۗ ٱلۡيَوۡمَ يَئِسَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ مِن دِينِكُمۡ فَلَا تَخۡشَوۡهُمۡ وَٱخۡشَوۡنِۚ **ٱلۡيَوۡمَ أَكۡمَلۡتُ لَكُمۡ دِينَكُمۡ وَأَتۡمَمۡتُ عَلَيۡكُمۡ نِعۡمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ ٱلۡإِسۡلَٰمَ دِينٗاۚ** فَمَنِ ٱضۡطُرَّ فِي مَخۡمَصَةٍ غَيۡرَ مُتَجَانِفٖ لِّإِثۡمٖ فَإِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٞ رَّحِيمٞ ۝٣﴾

Maksudnya: *Diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai (binatang yang tidak disembelih), dan darah (yang keluar mengalir), dan daging babi (termasuk semuanya), dan binatang-binatang yang disembelih kerana yang lain dari Allah, dan yang mati tercekik, dan yang mati dipukul, dan yang mati jatuh dari tempat yang tinggi, dan yang mati ditanduk, dan yang mati dimakan binatang buas, kecuali yang sempat kamu sembelih (sebelum habis nyawanya), dan yang disembelih atas nama berhala; dan (diharamkan juga) kamu merenung nasib dengan undi batang-batang anak panah. Yang demikian itu adalah perbuatan fasik. Pada hari ini, orang-orang kafir telah putus asa (daripada memesongkan kamu) dari ugama kamu (setelah mereka melihat perkembangan Islam dan umatnya). Sebab itu janganlah kamu takut dan gentar kepada mereka, sebaliknya hendaklah kamu takut dan gentar kepadaKu.* ***Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu ugama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu***

kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi ugama untuk kamu. *Maka sesiapa yang terpaksa kerana kelaparan (memakan benda-benda yang diharamkan) sedang ia tidak cenderung hendak melakukan dosa (maka bolehlah ia memakannya), kerana sesungguhnya Allah maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani* [Al-Maidah: 3]

4) **Menyeru kepada ketaatan kepada Allah** – Islam mendidik manusia supaya tunduk dan patuh kepada titah perintah Allah SWT, bukan hawa nafsu atau makhluk lain. Firman Allah SWT:

﴿ثُمَّ جَعَلْنَٰكَ عَلَىٰ شَرِيعَةٍ مِّنَ ٱلْأَمْرِ فَٱتَّبِعْهَا وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَآءَ ٱلَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ١٨﴾

Maksudnya: *Kesudahannya Kami jadikan engkau (wahai Muhammad dan utuskan engkau) menjalankan satu Syariat (yang cukup lengkap) dari hukum-hukum ugama; maka turutlah Syariat itu, dan janganlah engkau menurut hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui (perkara yang benar)* [Al-Jathiya: 18]

4.2 Menyeluruh / *al-Syumuliyyah* - الْشُمُوْلِيَّة

Islam merupakan agama yang sempurna dan menyeluruh serta mencakupi segala aspek kehidupan setiap manusia daripada sekecil-kecil perkara sehingga sebesar-besar urusan kehidupan. Firman Allah SWT:

وَيَوْمَ نَبْعَثُ فِي كُلِّ أُمَّةٍ شَهِيدًا عَلَيْهِمْ مِنْ أَنْفُسِهِمْ وَجِئْنَا بِكَ شَهِيدًا عَلَى هَؤُلَاءِ **وَنَزَّلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ تِبْيَانًا لِكُلِّ شَيْءٍ** وَهُدًى وَرَحْمَةً وَبُشْرَى لِلْمُسْلِمِينَ٨٩

Maksudnya: *Dan (ingatkanlah tentang) hari Kami bangkitkan dalam kalangan tiap-tiap umat, seorang saksi terhadap mereka, dari golongan mereka sendiri; dan Kami datangkanmu (wahai Rasulullah) untuk menjadi saksi terhadap mereka ini (umatmu); dan* ***Kami turunkan kepadamu Al-Quran menjelaskan tiap-tiap sesuatu*** *dan menjadi hidayah petunjuk, serta membawa rahmat dan berita yang mengembirakan, bagi orang-orang Islam* [al-Nahl: 89]

Hal ini diperkukuhkan lagi dengan firmanNya yang lain:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا **ادْخُلُوا فِي السِّلْمِ كَافَّةً** وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ٢٠٨

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman!* ***Masuklah kamu ke dalam Ugama Islam (dengan mematuhi) segala hukum-hukumnya****; dan janganlah kamu menurut jejak langkah Syaitan; sesungguhnya Syaitan itu musuh bagi kamu yang terang nyata* [al-Baqarah: 208]

Allah telah mengutuskan Rasulullah SAW yang membawa mesej Islam sebagai rahmat untuk sekalian alam. Firman Allah SWT:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِلْعَالَمِينَ﴿١٠٧﴾

Maksudnya: *Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Rasulullah), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam* [al-Anbiya`: 107]

Hal ini ditegaskan lagi dalam firmanNya:


قُلْ يَا أَيُّهَا النَّاسُ **إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا** الَّذِي لَهُ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ يُحْيِي وَيُمِيتُ فَآمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ الَّذِي يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَكَلِمَاتِهِ وَاتَّبِعُوهُ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ﴿١٥٨﴾

Maksudnya: *Katakanlah (wahai Rasulullah): "Wahai sekalian manusia! **Sesungguhnya aku adalah Pesuruh Allah kepada kamu semuanya,** (di utus oleh Allah) yang menguasai langit dan bumi, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; Yang menghidupkan dan mematikan. Oleh itu, berimanlah kamu kepada Allah dan RasulNya, Nabi yang Ummi yang beriman kepada Allah dan Kalimah-kalimahNya (Kitab-kitabNya); dan ikutilah dia, supaya kamu beroleh hidayah petunjuk"* [Al-A'raf: 158]


Hal ini (*syumuliyyah*) dapat dilihat menerusi beberapa perkara berikut;



Ciri menyeluruh (*syumuliyyah)* dapat dilihat melalui perkara-perkara berikut:



MINGGU 9



4.3 Tepat & Adil / *al-Wasathiyyah* – الْوَسَطِيَّة



Al-Wasatiyyah bermaksud adil, keutamaan, kebaikan dan seimbang (*tawazun*). Islam adalah agama yang *wasat* (seimbang) dalam semua perkara (Akidah, Syariah, Akhlak). Islam memberikan perhatian yang seimbang kepada semua aspek kehidupan manusia; dari segi individu dan masyarakat, rohani dan jasmani serta dunia dan akhirat. Islam agama yang tidak melampau dan tidak pula cuai atau bermudah-mudah. Sikap melampau bukan sahaja ditegah dalam mencari kehidupan di dunia bahkan dalam melakukan ibadah-ibadah khusus sehingga mengabaikan aspek yang lain.

Islam memerintahkan agar kesemua aspek hidup manusia mestilah digabungkan dalam satu gabungan yang seimbang, harmonis dan bersepadu supaya kehidupan manusia menjadi sempurna dan sejahtera. Allah SWT berfirman:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ ﴿٤٣﴾

Maksudnya: *Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah nzakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk* [al-Baqarah: 43]

Allah memerintahkan supaya umat manusia mengabdikan diri kepadaNya untuk mencapai kebahagiaan di akhirat dan pada masa sama memerintahkan mereka supaya mencari rezeki dan kehidupan yang baik di dunia untuk menjadi bekal di akhirat. Firman Allah SWT:

وَابْتَغِ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ ۖ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا ۖ وَأَحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ
وَلَا تَبْغِ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ ۖ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

Maksudnya: ***"Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia****; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatNya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan "* [al-Qasas: 77]

Ciri-ciri *al-Wasatiyyah* ini juga dapat dilihat melalui hujah berikut:



4.4 Jelas / *al-Wudhuh* – الْوُضُوْح

Islam adalah agama yang jelas, terang dan nyata dalam semua perkara, antaranya sumber yang jelas, prinsip yang jelas, tujuan yang jelas serta cara yang jelas. Firman Allah SWT:

وَأَنَّ هَٰذَا صِرَٰطِى مُسْتَقِيمًا فَٱتَّبِعُوهُ ۖ وَلَا تَتَّبِعُوا۟ ٱلسُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَن سَبِيلِهِۦ ۚ ذَٰلِكُمْ وَصَّىٰكُم بِهِۦ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٥٣﴾

Maksudnya: *Dan bahawa sesungguhnya inilah jalanKu (ugama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) mencerai-beraikan kamu dari jalan Allah, Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertaqwa.* [al-An'am:153]

Selain itu, Rasulullah SAW turut bersabda:

قَدْ تَرَكْتُكُمْ عَلَى الْبَيْضَاءِ لَيْلُهَا كَنَهَارِهَا لاَ يَزِيغُ عَنْهَا بَعْدِي إِلاَّ هَالِكٌ...

Maksudnya: *Aku tinggalkan kamu semua di atas Islam yang putih, malamnya seperti siangnya. Sesiapa yang menyimpang daripada jalan yang benar (Islam) setelahku dia akan binasa...* (Riwayat Ibnu Majah)

Berikut merupakan perincian yang menunjukkan jelasnya Islam dalam beberapa perkara utama antaranya:



1) Jelas dalam akidah - Mentauhidkan Allah adalah jelas dan dapat difahami oleh semua orang tanpa mengira bangsa dan warna kulit. Islam secara jelas menggariskan hak ketuhanan dan hak hamba. Manusia tidak mempunyai hak untuk menjadi *al-rabb* (tuhan yang mentadbir) kerana hanya Allah yang mencipta, memiliki serta mentadbir segala sesuatu pada setiap zaman dan keadaan dengan sempurna. Begitu juga manusia tidak mempunyai hak sebagai *al-ilah* (tuhan yang disembah) kerana hanya Allah sahajalah yang mempunyai keesaan pada zat, sifat dan ketuhanan maka Allah sahaja yang berhak disembah dan tidak layak disekutukan dengan sesuatu yang lain. Jelaslah bahawa hak manusia adalah untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT. Firman Allah SWT:

وَاعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا ۖ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسَاكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنْبِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَنْ كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا ﴿٣٦﴾

Maksudnya: *Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua; dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan jiran tetangga yang dekat, dan jiran tetangga yang jauh, dan rakan sejawat, dan orang musafir yang terlantar, dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong takbur dan membangga-banggakan diri;* [al-Nisa`: 36]

Hal ini dijelaskan lagi oleh Rasulullah SAW melalui sabdanya:

" فَإِنَّ حَقَّ اللَّهِ عَلَى الْعِبَادِ أَنْ يَعْبُدُوا اللَّهَ وَلاَ يُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَحَقُّ الْعِبَادِ عَلَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ أَنْ لاَ يُعَذِّبَ مَنْ لاَ يُشْرِكُ بِهِ شَيْئًا "

Maksudnya: *"Hak Allah (kewajipan hamba terhadap Allah) yang wajib dipenuhi oleh seseorang hamba hendaklah menyembah-Nya dengan sebenar-benarnya dan tidak menyekutukan-Nya dengan apa jua pun. Manakala hak hamba yang akan dapat daripada Allah adalah Allah tidak akan mengazab hamba yang tidak menyekutukanNya."* (Riwayat Muslim)

2) Jelas dalam syiar ibadah - Setiap muslim mengetahui ibadah khusus yang dirangkum dalam rukun Islam seperti solat, zakat, puasa, haji dan sebagainya. Begitu juga Islam menjelaskan ibadah umum serta ibadah wajib dan ibadah sunat.

3) Jelas dalam sumber-sumber hukum - Sumber hukum utama Islam adalah al-Quran, Sunnah Rasulullah SAW, Ijmak dan Qias.


4) Jelas dalam tujuan dan matlamat hidup - Tujuan hidup adalah untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT dengan cara melaksanakan suruhan dan meninggalkan laranganNya dalam ruang lingkup peribadi, keluarga, masyarakat, negara dan seterusnya. Islam berperanan untuk menjaga kemaslahatan (faedah/kepentingan) di dunia dan akhirat serta menjaga *maqasid* (tujuan) syariah iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

5) Jelas dari segi ganjaran di dunia dan akhirat – Setiap muslim mengetahui bahawa disana ada ganjaran baik dan buruk diatas segala usaha dan perbuatan yang dilakukan di dunia ini. Perbuatan baik di beri ganjaran syurga sebaliknya yang buruk di balas dengan keburukan dan ditempatkan dalam neraka.
   Firman Allah SWT:


فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُۥ ۝٧ وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُۥ ۝٨

Maksudnya: *Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)!(7) Dan sesiapa berbuat kejahatan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)!(8)* [al-Zalzalah: 7-8]

MINGGU 10



5.0 Sistem Islam



Islam merupakan agama yang menyeluruh dan lengkap iaitu merangkumi setiap aturan berkaitan dengan semua aspek dan bidang kehidupan umat manusia daripada sebesar-besar perkara hinggalah sekecil-kecilnya.

Islam memberi panduan kehidupan manusia dengan lengkap yang meliputi aspek akidah, ibadat, akhlak, ekonomi, politik, kemasyarakatan, kesihatan, kebudayaan, bahasa, seni, pengetahuan, hubungan antarabangsa, alam sekitar, falsafah, sains, undang-undang dan sebagainya.

Sistem bermaksud sekumpulan kaedah dan hukum syarak yang menyusun pelbagai bidang kehidupan manusia supaya menjadi sempurna. Berikut dikemukakan beberapa sistem asas dalam Islam:

5.1 Akidah

Akidah berasal daripada perkataan Arab iaitu '*aqada* yang bererti mengikat atau menyimpul. Akidah ialah hal yang berhubung dengan kepercayaan dan keyakinan dalam hati. Akidah adalah asas dalam agama dan diberi tumpuan dalam Islam.

Asas akidah Islam ialah tauhid kepada Allah SWT. Tauhid adalah inti daripada Islam itu sendiri. Malah, sebahagian isi al-Quran membicarakan tentang tauhid. Bersumberkan daripada tauhid, lahirlah cabang-cabang lain yang berupa sistem-sistem yang mengatur hubungan sesama manusia dan manusia dengan Tuhannya. Dalam semua bentuk peraturan ini, tujuan utamanya adalah untuk memperkuatkan serta menanam ketauhidan terhadap Allah SWT ke dalam hati setiap orang yang beriman. Rasulullah SAW memberi fokus selama 13 tahun di Makkah untuk menguatkan akidah.

5.2 Ibadah

Ibadah bererti taat, tunduk, patuh, merendah dan menyerah diri. Dari segi istilah, ibadah ialah nama yang mencakupi semua perkara yang disukai dan diredai oleh Allah sama ada dalam bentuk perkataan serta perbuatan yang zahir dan batin. Ibadah bertindak merealisasikan akidah di mana setiap amalan khusus dan umum ditunjangi dan terpancar dari akidah. Ibadah juga melambangkan keyakinan kepada Allah dan semua rukun Iman.

5.3 Syariah

Syariah ialah suatu aspek perundangan yang mendisiplinkan perjalanan kehidupan orang Islam dalam hubungannya dengan Allah SWT mahupun dengan sesama manusia iaitu orang Islam mahupun orang bukan Islam dan juga alam sekitarnya. Ia berupa himpunan hukum-hukum syarak yang menyeluruh dan luas meliputi soal ibadah, kekeluargaan, jenayah, muamalat, politik dan lain-lain.

5.4 Akhlak

Akhlak bermaksud budi pekerti, kelakuan dan tabiat. Akhlak merupakan sifat-sifat yang berada di dalam jiwa. Sifat-sifat ini akan mempengaruhi pertimbangan manusia dalam melakukan sesuatu amalan sama ada baik atau buruk. Peranan akhlak sangat penting dan mempunyai pengaruh yang sangat besar dalam membentuk perbuatan serta tindak tanduk manusia. Menurut al-Ghazali: *“Sesungguhnya semua sifat yang ada dalam hati akan lahir pengaruhnya pada anggota sehingga tidak ada sesuatu perbuatan melainkan sesuai dengan sifat itu.”*

Setiap perbuatan yang lahir dari seseorang itu berpunca daripada akidah sebagai asasnya, daripada akidah lahirnya ibadah dan daripada ibadah tersebut timbullah akhlak yang mulia. Hal ini bertepatan dengan sabda Rasulullah SAW:

أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً، إِذَا صَلَحَتْ، صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ، فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ

Maksudnya: *"Ketahuilah bahawa pada jasad itu terdapat segumpal daging, jika ia baik maka baiklah seluruh jasadnya, jika ia buruk maka buruklah seluruh jasadnya, ketahuilah bahawa ia adalah hati."* (Riwayat Bukhari)

Keempat-empat elemen ini merupakan asas-asas Islam yang sewajibnya kita hayati agar dapat menjadi Muslim dan Mukmin Yang seimbang. Tanpa salah satu daripadanya, akan pincanglah kehidupan seseorang itu dan akan mudah terpengaruh dengan perkara-perkara yang dapat merosakkan akidah.

6.0 Sumber Rujukan Islam



Hukum atau syariat Islam bertujuan untuk membantu dan membimbing umat Islam menjalani setiap aspek kehidupan dunia dan akhirat sesuai dengan perintah Allah SWT. Ia merupakan peraturan yang ditetapkan oleh Allah SWT dalam mengatur hubungan orang Islam dengan Allah SWT, sesama muslim dan bukan muslim, mahluk lain dan alam sekitarnya. Ia mencakupi seluruh ajaran Islam meliputi bidang akidah, ibadah, akhlak dan juga kemasyarakatan (*muamalah*).

Dalam menentukan sesuatu hukum atau peraturan, para ulamak terlebih dahulu menentukan sumber-sumber pengambilan hukum. Justeru itu, ulamak telah membahagikan sumber-sumber hukum kepada dua bahagian iaitu sumber yang disepakati dan sumber yang tidak disepakati.

6.1 Sumber-sumber yang disepakati




Sumber rujukan Islam yang disepakati yang dijadikan rujukan utama dalam Islam ada empat iaitu:

1) Al-Quran - القُرْآنُ

Al-Quran adalah kitab yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Rasulullah SAW melalui perantaraan malaikat Jibril AS yang tertulis di dalam mushaf-mushaf, dinukilkan daripada baginda SAW secara *mutawatir* tanpa sebarang keraguan. Membaca al-Quran merupakan satu ibadah dan sesiapa yang mengingkarinya adalah kufur.


Al-Quran adalah sebuah kitab panduan hidup kepada manusia dalam semua aspek kehidupan merentasi zaman, masa dan tempat. Al-Quran banyak merakamkan kisah umat-umat terdahulu bermula dengan kisah Nabi Adam AS sebagai khalifah dan kisah-kisah para nabi yang lain dengan umat masing-masing sama ada umat mereka yang

beriman kepada Allah SWT mahupun yang melakukan kemungkaran kepadaNya. Ia juga membawa perihal semasa yang berkaitan dengan syariat dalam kehidupan manusia. Bahkan, ia juga menceritakan tentang apa yang akan berlaku di akhirat nanti yang tidak dapat dicapai oleh akal manusia. Secara umumnya, isi kandungan al-Quran dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu:



2) Al-Sunnah - السُنَّةُ

Al-Sunnah adalah setiap perkara yang terbit daripada Nabi SAW selain al-Quran sama ada dari segi perkataan, perbuatan ataupun pengakuan. Al-Sunnah terbahagi kepada tiga:



i. *Sunnah al-Qauliyyah* (perkataan): setiap ucapan Nabi SAW yang dilafazkan oleh baginda di tempat-tempat yang berbeza dan tujuan yang pelbagai, ia juga disebut sebagai hadis. Contohnya, sabda Rasulullah SAW:

إِنَّمَا الأَعْمَالُ بِالنِّيَّةِ...

Maksudnya: *"Sesungguhnya setiap amalan itu bergantung kepada niat..."* (Riwayat Muslim)

ii. *Sunnah al-Fi'liyyah* (perbuatan): segala perbuatan yang dilakukan oleh Baginda SAW seperti menunaikan solat, zakat, puasa, haji, makan minum, berjual beli, berumahtangga, berjiran, membuat perjanjian, menguruskan pentadbiran dan pemerintahan negara; menghantar duta, melantik gabenor & hakim, memungut zakat dan sebagainya.

iii. *Sunnah al-Taqririyyah* (perakuan): perakuan Nabi SAW kepada sesuatu perbuatan yang telah dilakukan oleh sahabat atau tidak mengingkarinya sama ada dengan ucapan atau perbuatan sahabat yang terjadi di hadapan baginda ataupun ketika ketiadaannya. Contohnya, pensyariatan azan, doa iktidal dan solat sunat wuduk.

3) Ijmak - الإِجْمَاعُ

Ijmak merupakan salah satu sumber hukum Islam. Ijmak bermaksud kesepakatan keseluruhan para mujtahid (ulama yang memiliki autoriti berijtihad dalam bidang tersebut) dari kalangan umat Islam pada suatu masa tertentu terhadap suatu permasalahan dari isu-isu agama selepas kewafatan Nabi SAW. Ia adalah berdasarkan nas daripada al-Quran dan hadis.

Antara dalil yang menunjukkan bahawa ijmak adalah salah satu sumber utama dalam agama Islam adalah berdasarkan firman Allah SWT:

وَمَنْ يُشَاقِقِ الرَّسُولَ مِنْ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُ الْهُدَى وَيَتَّبِعْ غَيْرَ سَبِيلِ الْمُؤْمِنِينَ نُوَلِّهِ مَا تَوَلَّى وَنُصْلِهِ جَهَنَّمَ وَسَاءَتْ مَصِيرًا﴿١١٥﴾

Maksudnya: *Dan sesiapa yang menentang (ajaran) Rasulullah sesudah terang nyata kepadanya kebenaran pertunjuk (yang dibawanya), dan ia pula mengikut jalan yang lain dari jalan orang-orang yang beriman, Kami akan memberikannya kuasa untuk*

melakukan (kesesatan) yang dipilihnya, dan (pada hari akhirat kelak) Kami akan memasukkannya ke dalam neraka jahanam; dan neraka jahanam itu adalah seburuk-buruk tempat kembali [al-Nisa`: 115]

Disamping itu, Allah SWT turut berfirman:

وَكَذَٰلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا ۗ وَمَا جَعَلْنَا الْقِبْلَةَ الَّتِي كُنْتَ عَلَيْهَا إِلَّا لِنَعْلَمَ مَنْ يَتَّبِعُ الرَّسُولَ مِمَّنْ يَنْقَلِبُ عَلَىٰ عَقِبَيْهِ ۚ وَإِنْ كَانَتْ لَكَبِيرَةً إِلَّا عَلَى الَّذِينَ هَدَى اللَّهُ ۗ وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُضِيعَ إِيمَانَكُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ بِالنَّاسِ لَرَءُوفٌ رَحِيمٌ ﴿١٤٣﴾

Maksudnya: *Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Rasulullah) satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu. (Sebenarnya kiblat kamu ialah Kaabah) dan tiadalah Kami jadikan kiblat yang engkau mengadapnya dahulu itu (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi ujian bagi melahirkan pengetahuan Kami tentang siapakah yang benar-benar mengikut Rasul serta membenarkannya dan siapa pula yang berpaling tadah (berbalik kepada kekufurannya) dan sesungguhnya (soal peralihan arah kiblat) itu adalah amat berat (untuk diterima) kecuali kepada orang-orang yang telah diberikan Allah petunjuk hidayah dan Allah tidak akan menghilangkan (bukti) iman kamu. Sesungguhnya Allah Amat melimpah belas kasihan dan rahmatNya kepada orang-orang (yang beriman)* [al-Baqarah: 143]

Selain itu, Rasulullah SAW turut bersabda:

إِنَّ اللَّهَ لا يجمعُ أمَّتي على ضلالةٍ ويدُ اللَّهِ على الجماعةِ

Maksudnya: *"Sesungguhnya Allah tidak menjadikan umatku berhimpun di atas perkara kesesatan dan Allah bersama orang yang berada di dalam jemaah (persepakatan)."* (Riwayat Tirmizi)

Rasulullah SAW memberi jaminan bahawa umatnya (para ulama) tidak akan bersepakat ke atas sesuatu yang salah. Hal ini kerana ijmak para ulama adalah bersandarkan kepada dalil syarak. Oleh itu, kesepakatan atau ijmak adalah hujah yang muktamad dan sumber utama dalam Islam.

Ijmak mempunyai kedudukan yang penting dalam menentukan sesuatu hukum. Apabila sesuatu ijmak itu berlaku dengan menepati syarat-syaratnya maka ia menjadi suatu dalil yang *qat'ie* dalam hukum permasalahan tersebut. Contoh ijmak yang

dilaksanakan oleh para sahabat adalah persepakatan untuk membukukan al-Quran dalam sebuah mashaf pada zaman khalifah Abu Bakar al-Siddiq.

4) Qiyas - الْقِيَاسُ

Qiyas adalah salah satu sumber hukum dalam Islam. Qiyas dari sudut istilah adalah menghubungkan atau menunjukkan persamaan terhadap sesuatu perkara yang tidak ada nas tentang hukumnya dengan sesuatu perkara yang ada nas tentang hukumnya kerana kedua-duanya mempunyai persamaan pada '*illah* (sebab hukum). Secara ringkas, ia adalah proses (ijtihad) berasaskan pengibaratan daripada ayat al-Quran dan sunnah atau perintah yang telah diketahui untuk perkara-perkara baru.

Jumhur ulama berpendapat qiyas boleh dijadikan hujah dan sumber hukum dalam Islam. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya* [al-Nisa': 59]

Ayat di atas menerangkan bahawa jika berlaku perselisihan pendapat dalam membuat sesuatu keputusan, maka hendaklah merujuk kepada al-Quran dan hadis. Hal ini juga dapat difahami bahawa dibolehkan untuk mengeluarkan hukum yang tiada nas tentangnya menggunakan qiyas berdasarkan kejadian yang sudah ada *nas* dalam al-Quran dan hadis. Jumhur ulamak menerima qiyas sebagai sumber hukum dan hujah di dalam Islam.

Antara contoh qiyas dalam hukum adalah seperti penyalahgunaan dadah. Ia diqiyaskan dengan hukum minum arak yang mempunyai dalil yang *qat'ie* dan jelas dalam al-Quran. Allah SWT mengharamkan pengambilan arak kerana ia memabukkan dan menghilangkan kewarasan akal. Begitu juga dengan penyalahgunaan dadah kerana ia

memberi kemudaratan kepada akal, jiwa dan tubuh badan. '*illah* yang ada pada penyalahgunaan dadah adalah sama seperti '*illah* pengharaman arak malah lebih mudarat lagi. Maka hukum penyalahgunaan dadah adalah haram sepertimana haramnya mengambil arak.

6.2 Sumber-sumber yang tidak disepakati



Selain dari sumber yang disepakati di atas, terdapat juga sumber-sumber yang tidak disepakati oleh para ulamak sebagai sumber hukum. Hal ini bermaksud berlaku *khilaf* atau perbezaan pendapat ulamak dalam menerima sumber-sumber di atas sebagai rujukan dalam proses mengeluarkan hukum terhadap sesuatu perkara yang tidak ada dalil yang terang daripada Al-Quran dan Al-Sunnah, Ijmak dan Qiyas.

Namun begitu, ia tidak menjejaskan adab dan disiplin para ulamak dalam menerima pandangan-pandangan yang mungkin berbeza daripada pandangan mazhab yang didukungi mereka.

Dengan mengetahui sumber-sumber rujukan Islam secara ringkas, sama ada yang disepakati mahupun yang tidak disepakati akan membolehkan seseorang muslim itu lebih memahami bahawa Islam adalah satu cara hidup yang sempurna, lengkap dan menjamin kebahagiaan di dunia dan juga di akhirat.

مودول کفهمن اسلام

Modul KEFAHAMAN ISLAM

ISLAM SEBAGAI A D - D I N



IMBAS QR DIBAWAH !

Tingkat Bawah Blok Dewan Negeri, Kompleks Kota Darulnaim, 15503 Kota Bharu, Kelantan Darulnaim.
Tel: 09-747 0919 | Faks: 09-747 1045 | Emel: iptg.kel@gmail.com